


Jilid I  
Bil. 12



Hari Jumaat  
22hb Disember, 1978

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1017]

**RANG UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 1028]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1059]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V.V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., S.D.K. J.P., (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., P.J.K. J.P., (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Jumaat, 22hb Disember, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENGAMBILAN KAKITANGAN  
PROFESYENAL**

**1. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan jawatan yang belum diisikan lagi hingga sekarang;
- (b) mengapa terdapat kelewatan di dalam pengambilan kakitangan untuk jawatan-jawatan profesyenal seperti doktor, akitek, jurutera, juruteknik; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa dengan tidak mengisikan jawatan-jawatan kosong ini, jentera Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek akan terlibat dengan teruknya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu:

- (a) Jumlah jawatan yang belum dipenuhi pada 1hb Oktober, 1978 di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan ialah 44,684. Angka ini yang melibatkan 9% sahaja adalah kecil jika dibandingkan dengan kekuatan keseluruhan perkhidmatan awam di negara yang berjumlah lebihkurang 500,000 orang. Sungguhpun jumlah kekosongan nampak agak besar, tetapi peratusannya adalah wajar jika diambil kira faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kakitangan yang akan bersara pada tiap-tiap satu ketika ber-

jumlah kira-kira lebihkurang 2% dari jumlah kakitangan yang ada;

- (ii) pengujudan jawatan-jawatan baru yang di dalam urusan untuk dipenuhi; dan
- (iii) masalah kekosongan yang timbul dalam urusan pertukaran kakitangan yang sedang berjalan dari masa ke semasa.

- (b) Masalah kelewatan ini timbul ialah kerana peraturan pengambilan adalah memakan masa, oleh kerana jawatan-jawatan tersebut terlebih dahulu hendaklah diiklankan dan selepas itu pula borang-borang permohonan itu akan diproses dan calon-calon perlu ditemuduga, dan sebagainya. Kelewatan ini juga disebabkan oleh banyaknya jenis jawatan dan bilangan yang terpaksa diisi dan pemohon-pemohon utuknya pula berjumlah berkali-kali ganda daripada jawatan yang hendak diisikan. Umpamanya, untuk mengisi jawatan-jawatan juruteknik dan kerani, jumlah pemohon kadang-kadang meningkat sebanyak 20,000 hingga 30,000 orang untuk mengisi kira-kira 1,000 atau 2,000 jawatan dan tidak semua pemohon-pemohon ini dapat ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Di samping itu, pemohon-pemohon hendaklah ditapis dan diadakan proses "short-listing" untuk mengurangkan jumlah pemohon-pemohon yang dapat ditemuduga.

Kelewatan-kelewatan mengisi jawatan-jawatan doktor, akitek, jurutera serta setengah jawatan juruteknik dan juruteknik rendah juga memakan masa dan sukar diisi kerana berkurangnya calon-calon yang layak untuk dilantik kepada jawatan-jawatan tersebut. Sungguhpun begitu, bagi mengatasi masalah kelewatan dalam lengkungan ini, Suruhanjaya telah membuat lantikan kepada jawatan profesyenal secara

sementara sambil menunggu perlantikan calon-calon tersebut secara tetap, diproses mengikut saluran-saluran tertentu.

Jabatan Perkhidmatan Awam bersama-sama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengambil beberapa tindakan dan sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap usaha mempercepatkan proses pengambilan ini. Rundingan telah diadakan di antara Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain mengenai kemungkinan menggunakan komputer untuk memmodernkan sistem pengambilan yang ada sekarang bagi mewujudkan cara pengambilan baru yang lebih berkesan dan cepat.

- (c) Kerajaan memang sedar bahawa dengan tidak mengisi jawatan kosong itu, ianya sebanyak sedikit boleh menjejaskan kebolehan Kerajaan melaksanakan projek-projek Kerajaan. Oleh sebab itulah masalah pengambilan kakitangan ini sedang diberi perhatian istimewa oleh pihak Kerajaan pada masa sekarang ini.

**Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Soalan tambahan. Mengikut sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Menteri tadi berkenaan dengan perkara tersebut iaitu kerana beberapa sebab kelewatan terutamanya dalam peraturan-peraturan. Di dalam jawapan sebentar tadi mengatakan akan menggunakan komputer. Bolehkah tidak dipercepatkan mempergunakan komputer ini demi kepentingan negara?

**Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perkara ini sedang dalam rundingan dan saya rasa insya Allah kita akan cuba mempercepatkannya.

## KERAJAAN BERJIWA RAKYAT

2. **Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan makna "action oriented" dan "people's cabinet" dan sama ada ini bermakna beliau bercadang mengadakan satu cara atau bentuk bagi Kerajaan di mana Menteri-menteri dan Timbalan-timbale Menteri akan

meneruskan perhubungan yang lebih rapat dengan rakyat dan akan membuat lebih banyak lawatan ke projek-projek yang sedang dilaksanakan dan tidak hanya mendengar laporan daripada pegawainya sahaja atau cuma memberi arahan.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan dengan "Kerajaan Yang Berjiwa Rakyat" dan "Kerajaan Yang Bertindak", ialah Kerajaan yang bersatu-padu dalam membuat keputusan untuk faedah dan kepentingan rakyat, dan Kerajaan yang penuh dedikasi dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat.

Dalam hubungan ini, lawatan-lawatan yang dilakukan oleh Menteri-menteri dan Timbalan-timbale Menteri bagi menyaksikan sendiri pelaksanaan projek-projek pembangunan, serta mengadakan pertemuan dengan rakyat untuk mengetahui masalah mereka, merupakan satu ciri "Kerajaan Yang Berjiwa Rakyat".

Selain daripada itu, Kerajaan telah juga mengambil langkah-langkah yang bertujuan untuk memperbaiki lagi khidmatnya kepada rakyat. Di antara langkah-langkah ini ialah:

- (i) membawa perubahan dan pembaharuan dalam jentera pentadbiran Kerajaan;
- (ii) merancang dan melaksanakan skim-skim latihan bagi pegawai-pegawai Kerajaan;
- (iii) meluaskan fungsi dan liputan Biro Pengaduan Awam;
- (iv) memperbaiki sistem penilaian prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan; dan
- (v) memperbaiki jentera sistem pengawalan dan pengesanan projek pembangunan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Titingan.

## SOALAN No. 3 DITARIK BALIK

**Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani:** Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menarik balik Soalan No. 3 kerana jawapannya telahpun terkandung di dalam ucapan Menteri yang berkenaan semasa menggulung perbahasan kelmarin.

## LAPANGAN TERBANG SENAI

**4. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan-tindakan perlu yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan dan mengadakan kemudahan-kemudahan moden ke atas Lapangan Terbang Senai (Johore) supaya dapat menarik Kapal terbang-kapal terbang Antarabangsa mendarat di Lapangan Terbang tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai cadangan bagi memperluaskan penggunaan Lapangan terbang Senai bagi penumpang dalam negeri dan juga antarabangsa untuk penumpang dan kargo. Bagi tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas (Task Force) untuk menyelaraskan kerja-kerja bagi memperbaiki dan mengadakan kemudahan-kemudahan ke atas lapangan terbang tersebut.

Di bawah sistem review sejumlah \$10 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan Cargo Centre untuk membolehkan Lapangan terbang tersebut berkeupayaan menerima kapal terbang-kapal terbang kargo dan penumpang yang lebih besar.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, kita selalu membaca dalam akhbar iaitu MAS tidak diberi mendarat di Singapura jikalau kapal terbang-kapal terbang Singapura tidak dapat lebih mendarat di Kuala Lumpur. Memandangkan perkara itu dan untuk masa yang akan datang jikalau Singapura berbuat demikian juga, adakah atau tidak cadangan oleh kerana lapangan terbang Senai itu ke Singapura jauh, mengambil masa hampir satu jam lebih, adakah cadangan daripada Kerajaan ataupun Kementerian supaya membuat lapangan terbang bukan di Senai tetapi dekat dengan Selat Teberau supaya daripada situ boleh naik feri sampai ke Singapura. Jadi penumpang-penumpang daripada Kuala Lumpur boleh senang naik kapal terbang MAS sampai ke Selat Teberau, naik feri terus ke Singapura. Adakah cadangan begitu, kalau tidak nanti jika Singapura berbuat demikian juga maka kita tidak ada jalan lain melainkan menggunakan Lapangan terbang Senai.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak ada mempunyai rancangan atau tujuan hendak membina sebuah lagi lapangan terbang seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## DAUN TEMBAKAU YANG DIIMPOT

**5. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa peratus daun tembakau yang diimport untuk kegunaan kilang-kilang rokok tiap-tiap tahun dan adakah Kementerian sudah/sedang mencari jalan supaya daun-daun tembakau tempatan dapat digunakan dan tak payah mengimportnya dari luar negeri.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1977 sebanyak 43.1% daripada keseluruhan tembakau yang digunakan oleh pengilang-pengilang rokok adalah diimport dari luar negeri. Di antara tahun 1970-1977 data import dari luar negeri adalah seperti berikut:

Tahun	1960	1965	1970	1971	1972	1973	1974	1975	1976	1977
Tembakau diimport (%)	99.8	90.0	77.4	69.7	58.3	49.0	49.1	47.4	39.8	43.1

Kerajaan memang sentiasa mencari jalan supaya penggunaan tembakau tempatan oleh pengilang-pengilang rokok dapat ditambah lagi. Untuk tujuan ini usaha-usaha ditumpukan kepada meningkatkan pengeluaran dan mutu daun tembakau tempatan supaya bekalan dan mutunya bertambah, terjamin dan berkekalan. Bagi mencapai matlamat tersebut Kerajaan telah menguntukkan wang sebanyak \$5 juta kepada MARDI bagi tujuan penyelidikan tembakau di Malaysia. Di samping itu

Lembaga Tembakau Negara telah mengambil tindakan untuk meluaskan khidmat nasihatnya di dalam usaha meningkatkan daya pengeluaran dan mutu tembakau tempatan. Dalam tahun 1978 seramai empat puluh orang pegawai perkembangan telah ditambah untuk tujuan ini. Jumlah pegawai khidmat nasihat di Lembaga Tembakau Negara ialah 80 orang dan ini adalah merupakan 50% daripada jumlah kakitangan seluruhnya. Kerajaan baru-baru ini juga melaksanakan

sekim subsidi baja. Di bawah sekim ini penanam-penanam tembakau diberi subsidi sebanyak 75% daripada harga baja yang mereka beli. Jikalau pada tahun 1978 mereka terpaksa membayar \$35.70 satu beg baja, tetapi mulai musim tanaman 1979 dan dengan adanya sekim subsidi baja ini mereka dapat membeli baja dengan harga \$8.70 sahaja satu beg. Untuk menambah lagi daya pengeluaran Kerajaan sedang mengkaji supaya tanah-tanah yang sesuai terutama sekali tanah jenis bris di Pantai Timur untuk ditanam dengan tembakau.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan di sini bahawa penggunaan tembakau tempatan oleh pengilang-pengilang rokok adalah bergantung kepada kualiti dan juga daya pengeluaran daun tembakau. Pada masa sekarang tembakau masih perlu diimpot oleh kerana pengeluaran tembakau tempatan dan juga mutu daun tembakau tempatan masih belum dapat memenuhi permintaan pengilang-pengilang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan tembakau tempatan juga bergantung kepada jenis-jenis rokok yang dikeluarkan dan citarasa pengguna-pengguna rokok sendiri. Pada masa ini terdapat setengah-setengah jenis rokok yang menggunakan 100% tembakau tempatan dan ada pula jenis-jenis yang bertaraf antarabangsa yang menggunakan tembakau yang diimpot bergantung kepada taraf 'blending' jenis rokok-rokok tersebut. Memandangkan perubahan citarasa memerlukan masa maka penggunaan sepenuhnya tembakau keluaran tempatan tiada dapat dijalankan dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, pengilang-pengilang rokok telah menerima dan bersetuju dengan asas keperluan menambah penggunaan tembakau tempatan beransur-ansur berasas kepada perkembangan bekalan tembakau tempatan yang bermutu dan sesuai dan perubahan citarasa pengguna-pengguna rokok sendiri.

### **AKHBAR-AKBAR ASING MEMBURUKKAN MALAYSIA**

**6. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membetulkan laporan-laporan akhbar luar negeri yang memburukkan nama baik Malaysia dan akhbar dari negeri mana yang telah didapati membuat banyak sekali berita

seperti itu hingga hari ini dan sama ada terdapat sebarang kerjasama dari akhbar tersebut untuk memberhentikan penyebaran berita demikian rupa. Sama ada Kerajaan sedar bahawa laporan-laporan demikian sama ada berasal dari pemberita-pemberita di negara kita yang tidak puashati dengan dasar Kerajaan atau di atas permintaan satu golongan yang memerlukan kerjasama akhbar-akhbar luar negeri.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, Perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa awas dan memerhatikan akhbar-akhbar asing yang menerbitkan berita-berita mengenai negara kita. Di mana terdapat laporan-laporan yang memburukkan nama baik Malaysia, perwakilan-perwakilan kita sentiasa membekalkan Kementerian ini dengan latar belakang sesebuah akhbar serta penulis berita-berita tersebut dan juga menasihati Kementerian akan tindakan sewajar untuk membetulkan laporan-laporan tersebut. Di mana difikirkan wajar untuk memberi jawapan dan penjelasan terhadap laporan sedemikian, perwakilan berbuat demikian berpandukan kepada garis panduan yang diberikan oleh Kementerian. Jika jawapan sedemikian rupa tidak mendatangkan faedah, perwakilan-perwakilan kita biasanya mengambil langkah menemui akhbar-akhbar tersebut atau penulis laporan berkenaan dan menjelaskan kedudukan yang sebenarnya dengan harapan semoga pendirian dan objektif negara kita akan dapat difahami oleh mereka untuk dijadikan bahan rujukan pada masa hadapan.

Kementerian ini memang sedar bahawa terdapat laporan-laporan sedemikian diterbitkan oleh beberapa akhbar luar negeri. Laporan serupa itu dihasilkan oleh para wartawan yang melakukan lawatan singkat ke negara ini tanpa pengetahuan Kementerian. Mereka mungkin masuk dan meninggalkan negara ini sebagai pelancong.

Dalam banyak keadaan di mana terdapat akhbar-akhbar asing menerbitkan laporan-laporan yang memburukkan nama Malaysia, Kementerian sentiasa memperolehi Kerjasama daripada akhbar-akhbar tersebut untuk mencetak dan mengutamakan pendapat serta pendirian negara kita yang sebenarnya. Tidak ada terdapat sebarang bukti nyata bahawa laporan-laporan sedemikian berakar-umbi

dari dalam negeri Malaysia atau daripada mana-mana badan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi menyatakan kita ada menerima laporan berkenaan dengan latar belakang akhbar serta penulis-penulis yang menyiarkan berita-berita. Bolehkah saya dapat sedikit penjelasan, adakah benar tuduhan-tuduhan yang menyatakan golongan-golongan Yahudi telah menjalankan peranan ini disebabkan Kerajaan Malaysia berpendirian menolong perjuangan Arab di Palestine.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya diulangi semula pertanyaan ini.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi ada menyebutkan bahawa Kementerian Luar Negeri ada menerima laporan-laporan mengenai latar belakang akhbar dan juga latar belakang penulis-penulis berita itu. Adakah benar bahawa latar belakang dan penulis-penulis akhbar ini berasal dari negara Yahudi yang mana sengaja mengadakan berita-berita ini disebabkan pendirian Kerajaan Malaysia mengenai perjuangan orang-orang Arab di Palestine.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ketahui yang manakah pertanyaan ini ditumpukan, adakah bersabit dengan satu-satu artikel yang ditulis di dalam akhbar. Jikalau dapat diberitahu dengan sejelas-jelasnya (specific) tulisan atau ulasan mana, mungkin dapat saya memberikan penjelasan yang lanjut. Kalau secara umum seperti ini, saya tidak dapat memberikan penjelasan.

## PELAJARAN AKHLAK DI SEKOLAH-SEKOLAH

**7. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang rasa tidak puashati di kalangan ibubapa, guru-guru dan pemimpin-pemimpin kaum mengenai permintaan mereka untuk menjadikan pelajaran akhlak sebagai satu matapelajaran di sekolah-sekolah di

semua peringkat telah ditolak, jika ya, apakah dasar Kementerian mengenai perkara ini, dan

- (b) sama ada Kementerian berpendapat bahawa pelajaran akhlak tidak mustahak sehinggakan rayuan dan permintaan mereka terpaksa dibuat selalu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak pernah menolak permintaan untuk mengadakan pelajaran akhlak (pendidikan akhlak) di sekolah-sekolah. Pada masa sekarang Kementerian saya sedang mengkaji beberapa aspek berkaitan dengan pendidikan akhlak dan sedang menyediakan sukatan pelajaran untuk sekolah-sekolah.

## NAMA PARTI ISLAM— PENGHARAMAN

**8. Puan Zawiah binti Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengharamkan nama parti Islam itu di masa akan datang sebabnya di masa sekarang ini rakyat telah berpecah belah di antara orang Islam sesama orang Islam dengan adanya nama Parti PAS itu parti Islam. Adakah Parti PAS itu akan mengubah nama jangan sebut Islam selagi belum selesai pergaduhan di antara satu sama lain dalam kampung-kampung di luar bandar.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, ujudnya perasaan berpuak-puak di dalam sesebuah masyarakat itu adalah berpunca dari adanya fahaman yang sempit setengah-setengah ahli politik yang berkenaan. Keadaan seperti ini amatlah dirasai ketika adanya demam pilihanraya. Di setengah-setengah tempat pula keadaan ini agak berpanjangan walaupun pilihanraya sudah selesai. Pihak Kerajaan adalah menyedari dan memahami kedudukan perkara yang dibangkitkan itu dan dari masa ke semasa meneliti perkembangan seperti ini.

Soal pengharaman penggunaan nama seperti itu akan dipertimbangkan, jika Kerajaan merasai perlu berbuat demikian.

## GRADUAN-GRADUAN UNIVERSITI TEMPATAN

9. **Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan tidak fasih bercakap dalam bahasa Inggeris dan memandangkan mustahaknya bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, nyatakan tindakan yang telah atau yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan boleh menggunakan bahasa Inggeris dengan memuaskan. Salah satu buktinya ialah ramai graduan-graduan kita yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di universiti-universiti di luar negeri. Hanya terdapat sebilangan yang agak kecil sahaja yang tidak begitu fasih dalam bahasa Inggeris dan keadaan ini tidaklah membimbangkan.

Kerajaan serta universiti-universiti tempatan telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan ini. Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil kursus bahasa Inggeris dan digalakkan bertutur dan menulis dalam bahasa tersebut. Selain dari itu perhatian utama diberi terhadap perkembangan kaedah dan bahan pengajaran untuk menyediakan siswazah dengan kecekapan menggunakan bahasa Inggeris dalam keadaan-keadaan yang memerlukan.

## PESTA BOLA MERDEKA

10. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengurus pasukan Iraq yang mengambil bahagian dalam Pesta Bola Merdeka telah membuat bantahan mengenai kelemahan pengadil-pengadil yang bukannya dari Malaysia dan dia menegaskan bahawa negaranya tidak lagi akan mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan sukan di negara ini dan beliau akan membawa perkara ini kepada FIFA (Federation of International Football Association) dan sebagai sebuah negara yang penting di Asia Barat, ini akan menimbulkan perkara yang tidak menyenangkan serta merosakkan nama baik Malaysia, jika demikian apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada bantahan rasmi daripada Pengurus Pasukan Iraq terhadap kelemahan pengadil. Adalah dikesalkan bahawa perkara ini telah dilaporkan di dalam surat-surat khabar tempatan.

Sebagaimana saya dimaklumkan perkara ini telah dibawa kepada FIFA (Persatuan Bola Sepak Antarabangsa) melalui Persatuan Bola Sepak Malaysia untuk menerangkan perkara ini supaya salah faham yang telah timbul dapat diselesaikan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.00 ptg.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya", dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan yang mulia pada hari ini, mengandungi cadangan-cadangan pindaan kepada peruntukan-peruntukan 4 perkara sahaja, iaitu:

*Pertama:* Perkara 45 mengenai Keanggotaan Dewan Negara;

*Kedua:* Perkara 132 (2) berhubung dengan sekatan mengenai pembuangan kerja (dismissal) dan penurunan pangkat (reduction in rank) Pegawai Perkhidmatan Awam.

*Ketiga:* Perkara 141A mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran; dan

*Keempat:* Perkara 149 (1) berkaitan dengan Undang-undang menentang perbuatan subversif.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal (2) dalam Rang Undang-undang ini mencadangkan 3 pindaan kepada Perkara 45, iaitu:

- (a) memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik dua (2) orang menjadi Ahli Dewan Negara bagi mewakili Wilayah Persekutuan;
- (b) menambah bilangan Ahli Dewan Negara yang dilantik menjadi 40 orang; dan
- (c) mengurangkan tempoh jawatan Ahli-ahli Dewan Negara daripada 6 tahun menjadi 3 tahun.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan iaitu tiap-tiap Dewan Undangan Negeri memilih dua orang wakil untuk menganggotai Dewan Negara. Oleh kerana Wilayah Persekutuan belum mempunyai wakil dalam Dewan Negara, maka Kerajaan berpendapat bahawa adalah mustahak kekurangan ini diperbetulkan.

Pada masa ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh melantik sejumlah 32 orang Ahli Dewan Negara dari kalangan tokoh-tokoh yang telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam, atau yang telah mencapai kepujian dalam bidang profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat, selain daripada tokoh-tokoh yang boleh mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.

Jumlah Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik, iaitu seramai 32 orang, telah ditetapkan dalam tahun 1964, iaitu 14 tahun yang lalu. Sejak itu negara kita telah mencapai kemajuan dan mengalami perubahan dalam cara hidupnya yang membawa masuk bidang-bidang kepentingan yang lebih moden. Dalam bidang profesyen, misalnya, negara telah mempunyai pakar-pakar yang tidak wujud 10 tahun dahulu. Memandangkan bahawa negara kita telah meneroka bidang-bidang kehidupan yang baru dengan kepentingan-kepentingan tertentu, adalah difikirkan wajar perkhidmatan golongan-golongan baru ini diberi peluang menyertai Parlimen, dalam membantu membentuk dasar negara dan membuat undang-undang. Pendekata, Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan perlu-

lah diadakan bagi membolehkan perwakilan yang lebih luas dalam Dewan Negara. Oleh yang demikian, Kerajaan mencadangkan supaya bilangan Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mengikut Perkara 45 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, ditambah sebanyak lapan (8) orang lagi, menjadikan jumlah anggota kesemuanya kepada 40 orang.

Kerajaan juga mencadangkan supaya tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Dewan Negara yang dilantik dan dipilih dikurangkan daripada 6 tahun menjadi 3 tahun. Walau bagaimanapun, perubahan ini akan hanya berkuatkuasa bagi perlantikan-perlantikan dan pemilihan yang dibuat selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan. Ahli-ahli Dewan Negara yang sedang berkhidmat akan meneruskan perkhidmatan masing-masing selama 6 tahun, kecuali mereka itu meletakkan jawatan atau hilang kelayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini meminda Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan. Tujuan Kerajaan meminda Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan ialah bagi mengukuhkan keperluan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969 supaya peluang untuk didengar tidak perlu diberi kepada kes penamatan kerja demi kepentingan awam bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Penamatan kerja demi kepentingan awam ini bukanlah merupakan satu hukuman tatatertib seperti pembuangan kerja, kerana pegawai yang berkenaan boleh dibayar penceen mengikut Ordinan Penceen, 1951 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dan gaji paling akhir diterimanya sebelum disarakan. Sebaliknya bagi kes pembuangan kerja, faedah ini tidak diberikan sama sekali.

Peluang untuk didengar seperti yang disyaratkan oleh Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan itu masih lagi diberi bagi kes-kes tatatertib yang lain yang melibatkan hukuman seperti amaran, celaan, denda, melucutkan hak gaji, menahan kenaikan gaji, memberhentikan kenaikan gaji, menangguhkan kenaikan gaji, menurunkan gaji, menurunkan pangkat dan membuang kerja.

Apabila seseorang pegawai Kerajaan melanggar tatatertib misalnya kerana engkar perintah, rasuah dan sebagainya, Perintah Am Bab "D" 1969 mengandungi perbekalan

dan cara mengambil tindakan tatatertib ke atas mereka, serta juga hukuman-hukuman yang sesuai yang patut dikenakan. Ada kalanya pelanggaran tatatertib itu jelas telah berlaku, tetapi tindakan tatatertib tidak begitu mudah diambil.

Misalnya, seorang pegawai di sebuah Jabatan, telah berjaya mengumpulkan harta lebih setengah juta ringgit dalam masa yang singkat, ataupun seorang pegawai telah mengumpulkan wang tunai yang banyak dalam bank, menunjukkan mereka itu telah melakukan rasuah. Sungguhpun faktor ini jelas membuktikannya, tetapi ada kalanya pihak berkuasa tatatertib mendapat amat sukar mengambil tindakan untuk membuang kerja pegawai yang dituduh.

Begitu juga oleh kerana hendak mengelakkan punca maklumat diketahui umum disebabkan keselamatan negara atau keselamatan saksi itu sendiri, bukti-bukti yang jelas tidak dapat dikemukakan di mahkamah, menyebabkan kes tindakan jenayah ke atas pegawai Kerajaan itu gagal. Dalam hal yang demikian, Kerajaan terpaksa meneruskan perkhidmatan pegawai itu, sungguhpun jelas ianya telah membocorkan rahsia Kerajaan ataupun telah menjalankan kegiatan lain yang merbahaya kepada keselamatan negara. Dalam kes-kes seperti ini, ada kalanya lebih sesuai menggunakan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969. Dengan menggunakan Perintah ini, perkhidmatan mereka itu ditamatkan dan mereka dibayar pencen yang mereka telah layak menerima mengikut gaji dan tempoh perkhidmatan.

Perintah ini juga dianggap perlu digunakan di mana seseorang pegawai itu tidak lagi berminat dan kurang bersemangat menjalankan tugas dan kewajipannya dengan memuaskan, tetapi masih belum mencapai umur untuk bersara. Misalnya, ia masih berumur antara 40 hingga 49 tahun. Pegawai ini tidak menjalankan tugas dengan memuaskan, dan tidak pula sanggup berhenti dari perkhidmatan. Pegawai seperti ini, jika terus berkhidmat, akan menjadi tauladan buruk kepada pegawai-pegawai lain, lebih-lebih lagi sekiranya pegawai itu seorang pegawai kanan.

Begitulah juga dalam satu kes, misalnya, seorang pegawai yang sungguhpun pandai menjalankan tugas tetapi tidak begitu berminat untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan. Tumpuan hati dan minatnya adalah lebih berat kepada perniagaan. Bagi

pegawai yang masih muda, tidak sukar baginya untuk meletakkan jawatan tetapi bagi pegawai dalam lingkungan umur dari 40 hingga 45 tahun, mereka mungkin sayangkan hak pencen dan terus berkhidmat dengan tujuan bersara apabila mencapai umur 50 tahun. Tambahan pula sekarang ini, seorang pegawai yang mula berkhidmat pada umur 20 tahun akan mencapai kelayakan pencen penuh iaitu setengah daripada gaji, apabila mencapai umur 45 tahun. Pegawai-pegawai seperti ini akan mengamalkan apa yang dikatakan sebagai "mark-time" sehingga meningkat umur 50 tahun untuk mendapat faedah persaraan penuh.

Mereka ini bukan sahaja menjadi tauladan buruk kepada mereka yang lain, kerana tidak menjalankan tugas dengan sempurna, tetapi menjadi lebih buruk sekiranya ianya menggunakan kemudahan-kemudahan dan alat-alat pejabat kerana rancangan perniagaan persendirian mereka. Lebih-lebih lagi mereka yang telah meletakkan sebelah kakinya dalam lapangan perniagaan persendirian ataupun dengan perkongsian. Oleh sebab-sebab seperti inilah perbekalan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969 masih diperlukan demi kepentingan disiplin dalam Perkhidmatan Kerajaan dan juga demi kepentingan keselamatan negara.

Kerajaan sedar bahawa pindaan kepada Perkara 135 (2) ini akan menimbulkan berbagai prasangka dari pihak-pihak yang tertentu bahawa hak seseorang pegawai awam itu hendak disekat. Tetapi ini bukanlah tujuan dan hasrat Kerajaan yang sebenarnya sebagai Kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan memerlukan perkhidmatan pegawai-pegawai awam yang cekap, dedikasi dan berdisiplin. Pegawai-pegawai yang tidak cekap dan yang tidak jujur, lebih-lebih lagi mereka yang diragu-ragukan kesetiannya terhadap Kerajaan dan Negara, tidaklah boleh dibenarkan terus berkhidmat dalam Kerajaan kerana perkhidmatannya tidak memberi sebarang faedah kepada rakyat.

Pindaan yang dicadangkan ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan hendak menggunakan kuasa ini sewenang-wenangnya tetapi ialah bertujuan bagi menjamin ketuhan perkhidmatan awam seluruhnya. Sehingga ini hanya seramai 96 orang pegawai-pegawai awam sahaja yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka dengan menggunakan Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969.

Angka ini adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah bilangan seramai lebih kurang 500 ribu orang kakitangan awam dalam semua perkhidmatan. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam menggunakan peruntuk ini.

Saya sukalah menegaskan di sini bahawa pindaan perkara 135 (2) Perlembagaan adalah perlu bagi mengatasi kekurangan dalam undang-undang yang telah berbangkit akibat keputusan Privy Council mengenai kes rayuan Mahan Singh. Yang dituduh ini telah ditamatkan perkhidmatan atas kepentingan awam di bawah kuatkuasa Peruntukan 44, Perintah Am Bab "D" 1969, dan dengan dibayar faedah pencen kurang sebanyak 10 peratus, mengikut kuatkuasa keperluan Ordinan Pencen Tahun 1951.

Mengikut pandangan Privy Council, bayaran faedah pencen yang kurang yang diberi kepada yang dituduh, merupakan satu hukuman yang dikenakan di atas sebab-sebab kesalahan. Dengan yang demikian penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang telah dikenakan kepada yang dituduh, telah disifatkan sebagai pembuangan kerja. Oleh itu, mengikut pandangan Privy Council, yang dituduh patut diberi peluang untuk didengar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 135 (2) Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sejak dari sebelum Merdeka lagi, memang menganggap penamatan perkhidmatan sebagai tindakan yang berasingan dari pembuangan kerja. Ini jelas terbukti dari peruntukan-peruntukan yang ditetapkan bagi kedua-dua tindakan itu.

Bagi kes pembuangan kerja, peluang untuk didengar mengikut Perkara 135 (2) Perlembagaan adalah diperuntukkan di bawah Peruntukan 30, Perintah Am Bab "D", 1969 dan lain-lain peraturan yang terdahulu darinya. Bagi tindakan penamatan perkhidmatan yang diambil tindakan di bawah Peruntukan 44, peraturan yang berlainan, dikenakan. Perbezaan di antara kedua-dua tindakan ini telah wujud sejak sebelum Merdeka lagi, dan ini terbukti juga dari peruntukan dalam Ordinan Pencen, 1951.

Saya suka menerangkan di sini iaitu kuasa untuk mengambil tindakan mempersarakan atas kepentingan awam adalah perlu bagi memastikan disiplin dalam Perkhidmatan Awam.

Sungguhpun perbekalan dalam Perlembagaan di bawah Perkara 135 (2) memberi hak kepada seseorang pegawai untuk membela diri itu didengari, tetapi mengikut fahaman Kerajaan pada waktu menaja Perintah Am Bab "D" 1969, tanaman Kerajaan ialah perbekalan dalam Perlembagaan juga menyatakan perkhidmatan seseorang pegawai adalah atas ihsan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (at the pleasure of the Yang di-Pertuan Agong).

Lagi pula, kuasa di bawah Perintah Am Bab "D" peruntukan Peraturan 44 yang dikuatkuasakan di bawah Undang-undang Darurat adalah difikirkan, pada masa itu, boleh mengatasi perbekalan Perkara 135 dalam Perlembagaan. Itulah hakikat yang sebenarnya, tetapi sekarang bila perkara itu dibawa kepada Privy Council, pendapat Privy Council adalah berlainan daripada apa yang difaham dan difikirkan pada masa itu.

Memandangkan keputusan Privy Council mengenai kes Mahan Singh di mana tindakan penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam, sebagaimana yang saya katakan tadi adalah disifatkan sama sebagai pembuangan kerja, maka perlulah pindaan kepada Perkara 135 (2) Perlembagaan dibuat supaya maksud Kerajaan membezakan di antara tindakan pembuangan kerja dengan tindakan penamatan perkhidmatan, dapat dijelaskan.

Dengan jalan ini kes-kes penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 135 (2), penamatan itu tidaklah bermakna buang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat beberapa kes yang serupa dengan kes Mahan Singh, yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan di masa-masa yang lampau, dan supaya hendak mengelak pentakrifan kes-kes yang serupa dengan kes Mahan Singh maka pindaan kepada Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan ini terpaksa dilakukan dikuatkuasakan mulai dari hari Merdeka. Sebagaimana saya telah menjelaskan dalam Dewan Rakyat bahawa jika tidak ada sebab-sebab yang tertentu dan menasabah, Kerajaan memang tidak suka hendak mencadangkan sesuatu peruntukan dalam Rang

Undang-undang yang berkuatkuasa “retrospectively” iaitu kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan dengan mengadakan peruntukan bagi perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sejak tertubuhnya Suruhanjaya itu dalam bulan Januari, 1974 adalah didapati bahawa tugas dan tanggungjawabnya telah bertambah. Di samping menjalankan temuduga-temuduga di Semenanjung, ahli-ahli Suruhanjaya juga menjalankan temuduga di Sabah dan Sarawak, termasuk di bandar-bandar yang terpencil di kedua-dua negeri itu. Dalam keadaan sedemikian, maka Pengerusi Suruhanjaya tersebut memikul tanggungjawab yang bertambah. Oleh itu adalah difikirkan patut bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran diperuntukkan dengan seorang Timbalan Pengerusi supaya dapat membantu Pengerusinya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 dalam Rang Undang-undang ini mengemukakan pindaan kepada Perkara 149, iaitu mengenai undang-undang menentang perbuatan subversif. Pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang tetapi bagi menggantikan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969. Undang-undang yang dicadangkan ini perlu diwujudkan di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, bagi maksud mengatasi masalah-masalah seperti penyalahgunaan dan pengedaran dadah, serta kegiatan-kegiatan kongsi gelap.

Mungkin perlu dinyatakan bahawa Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 itu, telah dibentuk berikutan dari kejadian 13 Mei dengan menggunakan kuasa-kuasa darurat yang diberikan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan. Ordinan yang diperbuat di bawah Perkara 150 ini adalah sementara dan hanya berkuatkuasa selama tempoh darurat itu sahaja. Ordinan ini tidak boleh dijadikan suatu Akta tetap kerana beberapa peruntukan-peruntutannya bertentangan dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan.

Pada masa ini Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 digunakan bagi maksud mencegah perbuatan-perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam, serta kegiatan jenayah

yang melibatkan kekerasan, dengan menahan atau menyekat orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut. Kumpulan-kumpulan orang yang ditahan atau disekat di bawah Ordinan ini termasuklah pengedar-pengedar dadah dan ahli-ahli kongsi gelap. Tindakan diambil terhadap mereka ini hanya jika bukti-bukti bagi menuduh mereka di Mahkamah tidak dapat diperolehi, sungguhpun kegiatan-kegiatan mereka cukup jelas. Penggunaan kuasa-kuasa di bawah Ordinan ini amatlah berkesan, kerana ia telah dapat mengawal atau mengurangkan kegiatan-kegiatan pengedaran dadah dan jenayah-jenayah kongsi gelap.

Sebagaimana termaklum aktiviti-aktiviti pengedaran dadah memberikan keuntungan yang sangat lumayan. Adalah didapati amat sukar bagi menghadapi pengedar-pengedar itu di Mahkamah dan mensabitkan kesalahan-kesalahan mereka, melainkan jika mereka ditangkap semasa memiliki dadah. Oleh itu tiada jalan lain yang dapat diambil terhadap mereka melainkan dengan menggunakan kuasa tahanan pencegahan. Begitu-lah juga halnya dengan kegiatan-kegiatan kongsi gelap yang telah wujud sejak bertahun-tahun lamanya. Mangsa-mangsa kongsi gelap ini, seperti mereka yang diperasugut atau dipukul, didapati amat takut hendak memberi keterangan-keterangan di Mahkamah, kerana kemungkinan tindakan balas dari ahli-ahli kongsi gelap yang lain. Kerajaan sedar bahawa masalah dadah dan kongsi gelap ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Sungguhpun Kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan tahanan pencegahan sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah ini, langkah-langkah jangka panjang yang lebih berkesan, adalah juga dijalankan oleh Kerajaan. Bagi penagih-penagih dadah, misalnya, Kerajaan telahpun menubuhkan pusat-pusat pemulihan bagi mereka.

Peruntukan dalam Perkara 149 Perlembagaan sekarang ini tidak cukup luas bagi mengadakan undang-undang yang bertujuan untuk mengambil sebarang tindakan terhadap orang-orang yang melakukan perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam, seperti pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta kegiatan-kegiatan kongsi gelap. Di samping itu adalah juga difikirkan perlu supaya kuasa diberikan kepada Parlimen untuk membuat undang-undang di bawah Perkara 149 bagi tujuan mencegah perbuatan yang memudaratkan pemeliharaan

dan perjalanan mana-mana bekalan atau perkhidmatan. Ini termasuklah kegiatan-kegiatan menyeludup dan kegiatan lain yang akan menyusahkan orang ramai dari mendapatkan bekalan atau perkhidmatan itu.

Bagi maksud mencapai tujuan tersebut Perkara 149 (1) perlu dipinda dengan mengganti perenggan (e) dengan yang baru dan dengan memasukkan perenggan (f) baru, seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan membebaskan Kerajaan Malaysia daripada bertanggungjawab mengenai penguasaan, pentadbiran dan pembayaran pencen terhadap pesara-pesara dagang British yang tertentu sempena dengan pelaksanaan "The Malaysia-United Kingdom (Transfer of Liabilities) Agreement 1977".

Perjanjian ini telahpun diadakan untuk melaksanakan persetujuan Kerajaan Malaysia bagi menyerah segala tanggungjawab mengenai perkara pencen untuk pesara-pesara dagang British yang telah menjadi tanggungan Kerajaan Malaysia selama ini, kepada Kerajaan British berikutan dari persetujuan Kerajaan British sendiri, untuk mengambilalih tanggungjawab tersebut, demi kepentingan warganegara mereka yang pernah berkhidmat di Malaysia pada suatu ketika dahulu. Dalam melaksanakan Perjanjian ini, adalah perlu bagi Kerajaan Malaysia menunaikan persetujuannya, yang di antara lain, untuk mengadakan peruntukan undang-undang supaya apabila Perjanjian itu mulai berkuatkuasa, Kerajaan Malaysia akan berhenti daripada bertanggungjawab mengenai perkara pencen pesara-pesara dagang British, kerana tanggungjawab ini diambilalih oleh Kerajaan British, dan juga supaya Kerajaan Malaysia tidak akan tertakluk kepada apa-apa guaman mahkamah di atas apa jua perkara yang berhubung dengannya. Dengan Akta yang dicadangkan ini, maka undang-undang berhubung dengan pencen yang berkuatkuasa sebelum tarikh pelaksanaan Perjanjian itu, akan terhenti dipakai kepada pesara-pesara itu, dan pencen mereka itu akan dibayar mengikut jadual kepada Akta yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Perkara 147 dan 180 Perlembagaan sekarang ini, Kerajaan Malaysia akan terus terpaksa mengadakan pertalian serta perhubungan dengan pesara-pesara dagang

British yang berkenaan itu. Mungkin peruntukan sekarang ini, sebarang perubahan pencen yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia atau apa-apa keputusan mengenai pencen untuk pesara-pesara Kerajaan Malaysia, akan juga melibatkan pesara-pesara dagang British, sekalipun penguasaan, pentadbiran dan pembayarannya telah diambilalih oleh Kerajaan British. Juga Kerajaan Malaysia akan terlibat mengikut peruntukan yang ada, akibat dari mana-mana tuntutan yang berhasil dari tindakan mahkamah yang diambil oleh pesara-pesara dagang British itu, sekalipun mereka membuat tuntutan selepas tarikh pengambilalih oleh Kerajaan British. Dengan terlaksananya Akta yang dicadangkan itu, maka peruntukan Perkara 147 dan 180 Perlembagaan Persekutuan mengenai penguasaan, pentadbiran dan pembayaran pesara-pesara dagang British, tidak lagi berkuatkuasa. Inilah tujuan Perjanjian yang telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British itu. Oleh itu, jikalau tidak diadakan undang-undang yang boleh memutuskan sama sekali perhubungan Kerajaan Malaysia dengan pesara-pesara dagang British yang diambilalih oleh Kerajaan British itu, usaha pengambilalih ini adalah menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa cadangan pindaan yang dikemukakan ini, telah dikaji dan diteliti dengan halus oleh Kerajaan. Cadangan pindaan-pindaan kepada perkara 149 khususnya, telah dikaji selama setahun lebih. Berdasarkan pengalaman kita dalam menghadapi keadaan negara serta untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang dilalui oleh negara, maka cadangan pindaan-pindaan itu mustahak dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan

pencen dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua serang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

3.42 ptg.

**Tuan M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan iaitu Akta Perlembagaan (Pindaan) Tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang merasa bahawa pindaan yang dibuat dalam Clause 3 Rang Undang-undang ini adalah perlu kerana sebenarnya ini adalah untuk menerangkan dan mengelakkan kekeliruan mengenai kuasa Kerajaan menamatkan perkhidmatan seorang pegawai yang tidak dapat memikul beban tanggungjawab beliau ataupun merosakkan imej perkhidmatan Kerajaan dengan kelakuan dan tindakan yang buruk dan tidak diingini. Tidakkah dapat dinafikan bahawa pada biasanya imej dan effectiveness Kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang telahpun diterima oleh rakyat adalah tertakluk secara besarnya di atas kecekapan, kejujuran dan sikap pegawai-pegawai Kerajaan. Akibat mereka bertindak boleh juga mengakibatkan perasaan di kalangan rakyat terhadap Kerajaan juga. Tetapi kita harus juga ingat bahawa golongan pegawai Kerajaan yang merosakkan imej Kerajaan adalah satu golongan yang kecil sahaja dan terhadap golongan kecil inilah kita tumpukan kuasa memberhentikan kerja mereka demi kepentingan awam.

Saya sendiri harap kuasa ini akan menjadi deterrent dan isyarat yang berkesan. Tetapi terdapat kuasa yang diberi kepada Kerajaan melalui pindaan ini adalah satu yang amat luas dan besar. Kita harap bahawa kuasa ini tidak akan disalahgunakan kerana dengan pindaan ini satu "Pandora's Box" untuk macam-macam tindakan menindas, diskriminasi, *mala fide* dan lain-lain juga dilakukan.

Fasal 135(2) Perlembagaan kita adalah satu safeguard yang penting untuk mengelakkan tindakan-tindakan seperti ini. Fasal itu berkehendakkan bahawa seorang pegawai Kerajaan tidak boleh dibuang kerja oleh sebuah kuasa yang kurang dari kuasa yang melantiknya dan tindakan seperti itu tidak boleh diambil melainkan dengan pegawai itu diberi peluang membela diri. Fahaman

mahkamah-mahkamah mengenai syarat ini adalah bahawa pegawai itu mesti diberi tahu dengan jelas tentang apa yang didakwa terhadap beliau dan diberi peluang yang cukup untuk menjawab tuduhan-tuduhan itu. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ada kalanya di mana dakwaan seperti itu tidak dapat dibuat kerana sebab-sebab yang kita dapat faham. Memang terdapat banyak keadaan di mana "charge sheet" seperti itu tidak dapat disediakan, tetapi semua tahu tentang apa yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai itu. Dalam keadaan ini adalah elok jika pegawai-pegawai itu diasingkan sebelum lain-lain pegawai atau imej Jabatan berkenaan dirosakkan oleh one rotten apple can spoil a whole box. Tetapi apa yang kita meragukan adalah bahawa kuasa yang luas ini mungkin disalahgunakan. Saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meletakkan peraturan-peraturan dan panduan-panduan yang cukup jelas untuk menggunakan kuasa yang diberi itu. Ini akan menyelamatkan "morale" civil service kita dan menentukan bahawa kita adalah sebuah Kerajaan yang adil dan saksama.

Satu aspek lagi yang membimbangkan ramai adalah apakah kepentingan kita menguatkuasakan pindaan ini secara retrospective kepada Hari Merdeka. Biasanya retrospective legislation seperti ini adalah satu yang tidak begitu baik dan harus tidak dibuat melainkan kehendak-kehendak yang amat genting. Dalam kes ini saya diberitahu bahawa selain daripada kes Mahan Singh adalah terdapat 7 kes pegawai-pegawai Kerajaan yang melibatkan kuasa yang diminta oleh Rang Undang-undang ini. Mengikut interpretasi Clause 135(2) Perlembagaan yang sedia ada ini 7 orang pegawai ini mempunyai hak membela diri yang telah diberi kepada mereka apabila perkhidmatan mereka ditamatkan. Adakah kita ingin menghapuskan hak yang jelas mereka mengikut keputusan Privy Council dalam kes Mahan Singh melalui pindaan kepada Fasal itu dengan retrospective effect pindaan ini. Mungkin aspek ini adalah satu yang harus difikirkan sedalam-dalamnya oleh Kerajaan. Sikap dan tujuan Kerajaan dalam perkara ini mungkin berkehendakkan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini meminta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Prime Minister has rightly pointed out that this amendment to Article 135 is brought about as a result of the case decided in the Privy Council known as "Mahan Singh vs the Government of Malaysia", as reported in two Malaysian Law Journals in 1978. The case as decided and delivered - the delivery of the Judgment by Lord Diplock - if one could peruse through the case states clearly that retirement for public purposes, i.e. on grounds of public interest, is not decided against the hearing in this particular case.

What has been stated herein in the Mahan Singh case is that 10% of the pension, which has been reviewed as a result of this, has been construed as, as he has said:-

"In this case, the appellant's pension was made subject to a reduction of 10% ....."

and from this, it followed that the Government must have been satisfied, when it terminated the service of the appelleant, that the appelleant had been guilty of negligence, irregularity or misconduct of office. This reduction of 10% of pension has caused this particular problem. Nowhere in the Judgment has it been said that the Government has no right to retire any person on public interest.

Further, Tuan Yang di-Pertua, it has also been stated in the Journals regarding the Judgment by Lord Diplock:

"In Their Lordships' view, if it can be shown that the consequences of the termination of the appelleant's service involved an element of punishment thus satisfying of Article 135, the inference that the first criterion was also satisfied is irresistible. It is not to be supposed that the Government would inflict on the appelleant any penalty or disadvantage beyond what was necessarily involved in his ceasing to be employed in the public service, unless his conduct therein was considered by the Government to have been in some respects blameworthy."

Further, it is also stated:

"Section 5(2) (of the Pension Ordinance) provides that where an officer has been guilty of negligence, irregularity or misconduct, the Yang di-Pertuan Agong

may reduce or altogether withhold the pension for which the officer would otherwise be eligible;"

Now, we have got these conditions of retirement, i.e. when a person reaches the age of 55, he retires; then we have the retirement on medical grounds when a person is medically boarded out; and then we have a case where a person is dismissed and he does not get any benefit. Now we have got a cross-breed in between, i.e. you retire a person on public interest. In such cases, my suggestion to the Government is that, "you retire him with full pension up to the year he has served; but don't reduce anything." This would satisfy the Civil Service and this would avoid the fear they are having now that any time we may put them out.

These are a few things I would like to suggest. As regards the rest of the Amendments, I am in support of them.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.50 ptg.

**Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasehi yang telah mengemukakan pindaan Perlembagaan kita sebab sudah lama benar tidak dipinda.

Pindaan Perlembagaan itu adalah terbahagi kepada lima perkara sahaja, iaitu:

- (1) Perkara 45;
- (2) Perkara 135 (2);
- (3) Perkara 141A;
- (4) Perkara 149 (1);
- (5) Perkara 147; dan
- (6) Perkara 180.

Sekarang saya masuk satu persatu di atas pindaan-pindaan ini.

Perkara 145 ialah untuk melantik dua orang lagi Senator bagi Wilayah Persekutuan dan menambahkan lagi lapan orang Senator lantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya mencukupi 40 orang lantikan

Baginda, dan memendekkan tempoh perkhidmatan dari 6 tahun kepada 3 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kuat atas tiga perkara ini dan mengesyorkan kepada Kerajaan tentang 2 orang Senator yang akan dilantik untuk mewakili Wilayah Persekutuan ini. Ceritanya begini.

Pada tahun 1974 bulan Februari sesudah merasmikan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, saya telah bercakap dengan Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak yang kita kasihi supaya melantik 2 orang Ahli Dewan Negara kerana pada 1-2-1974 Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan menjadi sebuah negeri dalam Malaysia. Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah bersetuju atas pandangan saya itu tetapi katanya it was too early to decide. Insya Allah cita-cita saya itu telah tercapai pada hari ini. Oleh itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada yang saya kasihi Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri kita yang selalu mencintai rakyat apa bangsa sekalipun. Pandangan saya mengenai lantikan itu hendaklah dari anak-anak Selangor jati yang mana ini kehendak Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri sama ada dari UMNO, dari MCA, dari MIC, dari Gerakan tetapi anak Selangor. Kerajaan Persekutuan janganlah melupakan anak-anak Selangor yang ada di dalam Wilayah Persekutuan. Ini syor saya yang pertama.

Yang kedua, tempoh perkhidmatan Senator yang akan datang dipendekkan masanya cuma tiga tahun, saya menyokong. Saya berharap apabila Kerajaan melantik Senator-senator ini hendaklah dari ahli-ahli UMNO yang menjadi pengasas menubuhkan UMNO pada tahun 1946. Saya tahu orang-orang yang menjadi pengasas, mereka ini tidak mendapat apa-apa daripada Kerajaan—bintang pun tidak dapat, jauh sekali menjadi Yang Berhormat. Jadi, saya berharap mereka itu dilantik daripada ahli-ahli UMNO dan pengasas UMNO. Daripada 8 orang yang akan dilantik itu 5 orang hendaklah terdiri daripada pengasas UMNO, seorang daripada wakil Sikh—wakil keturunan Benggali. Saya sudah duduk dalam Senate ini 10 tahun tetapi tidak ada seorang keturunan Sikh mewakili orang-orangnya di dalam Senate. Saya mintalah kepada Kerajaan seorang

bangsa Sikh dilantik menjadi Senator dan baki 7 orang lagi terpulanglah kepada Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk pula Perkara 135 (2) iaitu berkenaan dengan menamatkan perkhidmatan seseorang kakitangan Kerajaan. Saya menyokong kuat, kerana kita tahu banyak kakitangan Kerajaan bukan sahaja malas—lazy and no heart to work. Mereka bekerja dengan Kerajaan kita tetapi menyokong parti lawan. Apa kerja mereka—pegawai-pegawai yang masuk parti lawan ini ialah mencari rahsia Kerajaan kita, untuk menyampaikan kepada partinya. Itulah sebabnya banyak rahsia Kerajaan sampai ke tangan parti lawan. Mereka ini bermuka-muka. Saya banyak berjumpa dengan orang-orang ini dan saya boleh pin point, mereka bekerja dengan Kerajaan kita, tetapi menyokong parti lawan. Mereka itu sudah patut ditendangkan. This type of people should be sacked immediately. Kita jangan fikirkan oleh sebab mereka ialah orang-orang Melayu. Kalau kita buang orang Melayu ini, jadi kurang orang Melayu—pedulikan. Kakitangan Kerajaan mestilah berkhidmat dengan jujurnya kepada Kerajaan. Mereka hendak gajinya tiap-tiap bulan, tetapi Kerajaan kita dilawannya. Inilah pandangan saya kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk pula kepada Perkara 141A iaitu menambah seorang Timbalan Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya menyokong dan saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya orang-orang ini hendaklah terdiri dari guru-guru yang berpengalaman dan yang sudah bersara. Kalau kita ambil dari orang lain yang bukan guru, ini akan menimbulkan bermacam-macam masalah nanti apabila menemuduga guru-guru yang akan masuk latihan perguruan dan jawatan guru-guru. Inilah syor saya dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula Perkara 147 dan Perkara 180 iaitu berkenaan dengan pencen kakitangan orang Inggeris yang bekerja dengan Kerajaan semasa kita belum mencapai kemerdekaan. Ini sudah patut benar pencen-pencen ini dikendalikan sendiri oleh Kerajaan United Kingdom. Sepatut kita tidak bayar lagi pencen-pencen ini, kerana sebelum mereka balik ke United Kingdom, Kerajaan telah membayar beratus

ribu ringgit sagu hati pada tiap-tiap seorang, sekarang kita bayar pula pencen selama 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ialah Perkara 149 (1) iaitu berkenaan dengan jenayah—subversive element. Kita tahu 48 orang sudah ditangkap pada tahun 1975 yang sepatutnya telah digantung kerana kita telah luluskan undang-undang dalam Senate ini. Mereka telah membunuh orang dengan senjata dan mengedar dadah tetapi belum lagi digantung. Saya merayu kepada Kerajaan supaya hukuman gantung itu dihapuskan.

*(Dengan izin)* There are 48 people supposed to be hanged because of their cruelty and for distributing dadah. I appeal to the Government that punishment of hanging should be abolished in this country.

Kita tahu Tuhan telah berkata dalam Quran iaitu tiap-tiap manusia akan menerima dua sahaja balasan di akhirat kelak, satu Syurga kerana beliau orang baik dan satu lagi Neraka kerana kejahatannya di dunia ini.

God has said in the Quran: "Every person who goes out from this world will get either of the two rewards from God: Number one is "Paradise" because he or she has done good to others; the other is "Hell" because he or she has committed a lot of sins in this world; and you will get one of these rewards when the Day of Judgement comes in the next world.

Orang-orang Islam percayakan ini dan saya harap kepada bangsa-bangsa lain akan percaya juga dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan saya kepada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

4.00 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Bismillahirrahmanir-rahim. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sebentar tadi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan hujah-hujahnya yang munasabah sebab pindaan Perlembagaan ini dibawa ke Dewan ini dan akan dikuatkuasakan bagi kepentingan negara dan rakyat.

Dalam pada itu saya ini bukan seorang hakim atau ahli undang-undang, dalam pemikiran saya yang begitu cetek saya gemar sebagai seorang rakyat Malaysia yang mewakili Kerajaan Negeri Johor memberikan pandangan-pandangan atas Rang Undang-undang yang kita hendak luluskan ini.

Yang pertama sekali ramai orang berkata bahawa Perlembagaan kita ini selalu sangat dibuatkan pindaan dan mereka memikinkan bahawa Perlembagaan itu patut dibekukan. Ini menurut keterangan Kerajaan sebagaimana keterangan yang diberi kepada Dewan Rakyat dan juga pendapat sebahagian besar rakyat bahawa Perlembagaan ini patut kita kaji, kita semak, kita suaikan dengan keadaan masa untuk mengatasi kejadian-kejadian yang berlaku.

Dengan keadaan ini kalau ada pemikiran-pemikiran bahawa Perlembagaan ini tidak patut dibuatkan pindaan dengan begitu banyak ataupun adakan pindaan ini dengan begitu cepat, saya juga tidak bersetuju dengan pendapat ini bahkan pendapat ini telah diterima oleh Persatuan Peguam di negara kita iaitu membangkang Rang Undang-undang ini supaya dikemukakan dalam Dewan ini supaya dilaksanakan. Kita bagi pihak rakyat sangat terharu dengan bangkangan ini padahal Rang Undang-undang ini akan memberikan faedah kepada rakyat, walhal Jabatan Peguam itu satu profesyen yang diharapkan oleh rakyat pada segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga barangkali satu masa akan menyemak dan mengkaji pindaan-pindaan yang akan dibuat dan dibawa ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Saya cuma hendak minta kepada Kerajaan supaya memikinkan bahawa Perlembagaan Persekutuan kita yang ada sekarang walaupun kita sudah merdeka 20 tahun tetapi masih menggunakan bahasa Inggeris. Kenapa tidak diadakan pakar-pakar kehakiman kita mewujudkan undang-undang Perlembagaan kita ini dalam Bahasa Kebangsaan? Ini satu perkara yang saya fikir patut, sebab fahaman undang-undang negara ini bila ada dengan Bahasa Kebangsaan akan dapat difahami oleh seluruh rakyat di dalam tanahair kita ini. Sekarang masih menggunakan bahasa Inggeris, kenapa keadaan ini berterusan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sambil Kerajaan gemar hendak meminda Perlembagaan kita ini, cuba difikirkan satu perkara yang sangat mendadak di tanahair kita ini dikehendaki oleh Kerajaan-kerajaan Negeri supaya sebahagian kecilnya pindaan-pindaan itu yang ada berasaskan ugama Islam. Sebab Kerajaan Negeri boleh membuat Rang Undang-undang ini kepada negeri itu berhubung dengan hal ehwal ugama Islam dalam negeri itu, tetapi Perlembagaan ini membangkang. Saya hendak tunjukkan contoh, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat hampir iaitu di mana sahaja dalam negeri kita heboh bila Kerajaan Negeri, Jabatan Ugama Negeri membuat satu Rang Undang-undang ugama Islam hendak dibaiki tetapi tidak dapat dilaksanakan, tidak dapat dijalankan oleh sebab Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan.

Satu contoh yang hampir, hukuman zina atau khalwat antara orang Islam dengan orang bukan Islam; si Ah Kow dengan si Minah, atau si Ah Kow dengan si Ah Seng, maka ditangkap oleh Pencegah Maksiat Jabatan Ugama Islam dalam negeri itu, dibawa ke Mahkamah Syariah untuk dibicarakan. Orang Islam dibicarakan, tetapi orang bukan Islam seperti si Ah Seng dan si Ah Kow itu dilepaskan. Hal ini pada segi jenayah membuat satu kesalahan ini sama, sama ada mereka itu Islam atau bukan Islam tetapi kenapa undang-undang dalam negeri ini tidak membolehkan orang yang bukan Islam itu juga kita dakwa supaya dia dikenakan hukuman yang sama supaya dapat keadilan. Ini orang Islam sahaja yang kena, yang bukan Islam dilepaskan. Masalah ini patut difikirkan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah kalau ada pada masa hadapan Kerajaan cuba hendak membolehkan pindaan-pindaan, tolonglah hormati kehendak-kehendak Kerajaan Negeri supaya dapat cara ini diselaraskan, dapat diperbaiki demi kepentingan rakyat dalam negeri ini.

Tadi saya sentuh rakyat yang bukan Islam, saya minta maaf. Saya fikir kalau membuat sesuatu kesalahan seperti berkhalwat itu bukan orang Islam sahaja yang marah, orang yang bukan Islam pun tidak bersetuju. Anak orang yang bukan Islam itu dibawa oleh orang Islam, orang bukan Islam pun tidak bersetuju, tetapi undang-undang ini untuk manusia, Undang-undang Islam pun dijadikan untuk semua manusia. Itulah saya fikir sudah sampai masanya masalah ini patut

difikirkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan kuatkuasanya dalam Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bercakap ialah mengenai Fasal 2 yang mencadangkan supaya dipinda Per-  
kara 45—Dewan Negara. Banyak yang telah dipercakapkan oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya tadi, saya menyokong pindaan-pindaan ini bahawa Ahli Dewan Negara akan ditambah dan masanya akan disingkatkan menjadi 3 tahun, saya bersetuju. Ini menunjukkan bahawa keluasan perkhidmatan Dewan yang tertinggi ini akan melebar, lebih kuat, lebih gagah, lebih kukuh; daripada 32 dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kepada 40 orang. Sekarang ditambah pula kawasan Wilayah dua orang wakil.

Dalam masalah ini saya nampak Kerajaan memanglah berniat supaya Dewan Negara diteruskan dan saya harap kepada Kerajaan supaya Dewan Negara ini diteruskan dan saya harap kepada Kerajaan membuat sistem yang ada sekarang bahawa Ahli-ahli Dewan Negara itu tidak dipilih oleh rakyat. Sistem ini sangat baik sebab rakyat telah memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat melalui pilihanraya. Jadi Kerajaan Negeri boleh melantik 2 orang wakilnya menjadi Ahli Dewan ini. Dua buah Dewan yang tidak payah pada masa sekarang ini dipilih melalui pilihanraya, satu daripadanya Dewan Negara sebagaimana yang kita ada ini, yang keduanya ahli Majlis Daerah. Kerajaan Negeri sahaja menunjukkan sebab Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat itu telah dipilih oleh rakyat. Kuasa yang ada pada Dewan Negara ini pada zahirnya tidak ada pilihanraya tetapi pada hakikatnya telah dipilih oleh rakyat.

Satu perkara lagi dalam masalah Dewan Negara yang kita akan tambah ahli-ahlinya dan kita sekarang sedang mengalu-alukan kelahiran 10 orang Ahli-ahli Dewan Negara dan kita sudah sediakan kerusinya di belakang. Siapa yang hendak duduk itu—wallahu-alam, sudah ada kerusinya. Sebelum undang-undang dilahirkan, kerusinya telah ada (*Ketawa*). Ini tradisi orang Malaysia, bila anak hendak lahir disediakan buaian, disediakan bedung dan bermacam-macam lagi. (*Ketawa*).

Dalam masalah menyingkatkan masa kepada 3 tahun, inipun sudah menjadi amalan setengah-setengah negeri sebab boleh diagihkan khidmat kepada Dewan Negara. Ada setengah-setengah negeri berpakat, walaupun

dia beri 6 tahun, kita pakatlah "Awak beri 3 tahun, dia beri 3 tahun". Amalan ini sudah dibuat. Dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menjadi satu kenyataan yang baik bahawa kita akan dapat memilih Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Rakyat, orang yang bernas, tokoh-tokoh yang bernas yang boleh memberikan kepentingan kepada Dewan ini dan kepada rakyat.

Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan macam-macam tokoh hendak dimasukkan. Saya sangat bersetuju, tokoh daripada kalangan politik dan professional. Tokoh-tokoh politik itu jangan banyak sangat, kalau banyak sangat menjadikan satu kesusahan kepada pihak yang hendak menimbangkan sebab orang politik ini ramai. Kalau kita ambil veteran yang berjasa pada negara kalau duduk lama-lama pun di sini kita hendak membayar budi dan orang yang berjasa kepada parti itu bukan dia hendak hadiah menjadi Ahli Dewan Negara. Kita mahu mutu, nilai atau kualiti Dewan Negara ini baik. Kita menghormati ahli-ahli itu, kita ambil orang yang ada kelayakan, kebolehan dalam masalah pemesyuaratan dan pentadbiran. Saya sangat besar hati kalau boleh diberi, pada masa yang akan datang ditimbangkan ahli-ahli profesional daripada pegawai-pegawai perkhidmatan awam, itu pun kita berkehendakkan tenaganya. Dan juga ahli-ahli professional seperti doktor-doktor, engineer dan peguam untuk menjadi Ahli Dewan Negara kita. Ini untuk jangka masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan cuba timbangkan daripada tokoh-tokoh pertubuhan sukarela yang ada mempunyai ramai pengikutnya patut kita fikirkan. Tadi Ahli Yang Berhormat kata hendak suruh orang-orang Sikh. Itu saya tidak bangkang, itu fikiran dia. Orang Sikh berapa ramailah yang ada di dalam negeri ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dua tiga orang daripada kaum India itu pun cukuplah, Sikh juga orang India. Saya mahu begini, kalau boleh Kerajaan pertimbangkan mana pertubuhan sukarela, bukan ertinya dia mewakili pertubuhan itu, tetapi kita dudukkan wakilnya di tempat itu seolah-olah kita memberi kehormatan kepada pertubuhan sukarela yang begitu banyak. Itu secara tidak langsung daripada Kementerian Pertahanan, kita sudah ambil. Persatuan bekas pasukan keselamatan daripada anggota polis sebab anggota polis itu tidak kurang ramainya di dalam tanahair kita

ini. Satu lagi iaitu Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia. Pekebun kecil ada 500,000 orang. Orang-orang yang terlibat nasibnya dengan pekebun kecil ini adalah seramai 3½ juta. Jadi kalau kita tidak dudukkan mereka di tempat ini, dia ada ahli-ahli professional daripadanya kita ambil, alangkah moleknnya. Lagi satu yang tidak ada, susah kita hendak dapat ialah ahli-ahli Persatuan Nelayan dan Peladang. Kita dudukkan mereka di dalam Dewan Negara ini sebab di bawah dan di bawah nelayan tidak kurang daripada satu juta orang yang ada bergantung hidupnya. Kalau kita dudukkan mereka di dalam Dewan Negara mereka boleh mengemukakan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh golongan mereka dan boleh membantu Kerajaan. Itu pandangan saya di dalam perkara Kerajaan hendak menimbangkan untuk melantik anggota-anggota Dewan Negara pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya nampak Kerajaan kena buat di dalam Dewan Negara ini ialah Kerajaan memikirkan dan memberikan kemudahan macam mana Kerajaan berikan kemudahan kepada Dewan Rakyat begitulah juga Kerajaan boleh beri kemudahan kepada kami di Dewan Negara ini dari segi elaun dan kemudahan-kemudahan lain. Saya minta dan merayulah kepada Kerajaan kerana kami Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak ramai, cuma 68 orang kalau dijumlah semua sekali termasuk Ahli-ahli yang baru, tidak sampai 70. (*Ketawa*)

Saya berkehendakkan begini, ini adalah pandangan saya. Saya mahu kemudahan itu supaya disamakan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat kerana kami lahirnya daripada Ibu Parlimen. Kami Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah Ahli-ahli Parlimen. Kami mahu kemudahan itu sama diberi, umpamanya Dewan Negara beri \$1,000 elaunnya dan Dewan Rakyat beri \$1,500 kenapa? Katakanlah Ahli-ahli Dewan Rakyat banyak kerja, tetapi kalau Ahli-ahli Dewan Rakyat tidak mahu tugas itu, apa hendak kata? Walhal kami Ahli-ahli Dewan Negara ini sama juga. Tambahan pula kalau kami datang daripada ahli-ahli Parti, itu juga tanggungjawab kami dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat bahkan lebih lagi seperti kami dalam negeri Johor, cuma ada dua orang wakil, Yang Berhormat Datuk Chua Song Lim dan saya. Jadi bagi seluruh negeri Johor kami boleh memberi khidmat. Dua orang sahaja patutlah elaun kami itu

disamakan, sedangkan Ahli-ahli Dewan Rakyat cuma ada 16 orang dari negeri Johor. Begitu juga Kelantan. Kelantan tahun ini barangkali seorang sahaja dari PAS, tetapi tidak lama lagi. (*Ketawa*)

Jadi ada dikatakan Ahli Dewan Rakyat ini ada kawasan dan hendak jumpa rakyatnya, kadangkala rakyat di dalam kawasan-kawasan itu di kawal, dijaga, ditolong serta dibantu oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Saya bercakap terus terang, kadang-kadang dia tahu, Ahli-ahli Dewan Negara ini "Yang Berhormat, Ahli Parlimen, Datuk", patutlah bila hari-hari raya, hari sekolah, hari Maulud Nabi, hari orang nikah-kahwin dia tidak kira orang Islam atau tidak Islam. Sekurang-kurangnya kami sudah kira hendak kena beri \$400-\$500 sebulan demi hendak menjaga kehormatan Dewan Negara ini, bukan kehormatan saya. Kalau hendak jaga kehormatan Dewan Negara, Kerajaan tolonglah orang di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya hendak memperkatakan tentang perkhidmatan kami di Dewan Negara. Perkhidmatan kami di Dewan Negara ini hendak disamakan, tolong timbangkan, jangan macam sekarang kami dibenarkan mesyuarat separuh daripada Dewan Rakyat. Ertinya kalau mesyuarat itu 10 hari kami di Dewan Negara ini diberi 5 hari-6 hari sahaja, itupun takut-takut, boleh jadi belanja lebih. Kami bermesyuarat di sini, kami tunggu sampai pukul 10.00 malam pun tidak mengapa. Apakah salahnya kalau Kerajaan tolong timbangkan pada masa yang akan datang kalau Dewan Rakyat itu bersidang—sekarang 10 hari, beri kami 7 hari sahaja pun sudah cukup. Bukan kami hendak sampai 10 hari, tidak. Tolong beri 7 hari. Dahulu diberi 1/3, sekarang beri 2/3. Kalau Persidangan Belanjawan ini, kami diberi tiga minggu. Tiga minggu itu betul-betul, nama sahaja dua tahun, Tuan Yang di-Pertua. Dua tahun kami Ahli-ahli Dewan Negara ini bermesyuarat, daripada tahun 1978 sampai tahun 1979 akan datang (*Ketawa*). Lama! Dan bulannya, tiga bulan. Itulah kebijanya Kerajaan (*Ketawa*). Kerajaan bijak betul. Apa salahnya diberi kehormatan kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini yang boleh bermesyuarat selama tiga bulan, dua tahun. Sedap bunyinya, pada lahirnya tetapi dalamnya cuma tiga minggu sahaja (*Ketawa*). Tiga minggu itu, sulitnya terutamanya kalau bercampur pula dengan mesyuarat Dewan Rakyat, masya Allah, susah. Pekerja-pekerja pun susah!

Jadi kita timbangkan pada masa yang akan datang janganlah bertembung Dewan Negara dengan Dewan Rakyat demi kepentingan kebebasan kami dan pekerja-pekerja di tempat ini kecuali ada sebab-sebab yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh berilah peluang saya bercakap lebih, saya hendak bercakap sampai setengah jam lagi (*Ketawa*). Sebab ada dua tiga perkara yang saya hendak ulas mungkin juga mustahak. Mudah-mudahan dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan kemurahan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sama mendengar di dalam ini, beliau akan bermurah hati pada suatu masa, akan mempertimbangkan kehendak-kehendak Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3, tujuan meminda Fasal 2 Perkara 135. Ini telah dicakapkan oleh rakan sejawat saya berhubung dengan perkhidmatan awam dan juga penamatan kerja atas kakitangan-kakitangan Kerajaan kita yang seramai 500,000 seperti mana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Pada masa sekarang saya bercakap terus-terang, Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan, pemimpin-pemimpin besar kita, samada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Ketua-ketua Kerajaan Negeri, Menteri Besar dalam rapat umum ramai memberi amaran kepada kakitangan Kerajaan—kamu kalau tidak mahu kerja, berhenti.

Dengan kuasa yang ada dahulu dicabarnya kita. Dia tidak boleh berhenti. Dengan keadaan dia tidak berhenti itu macam-macam boleh yang dibuatnya bagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia bukan sahaja menerima rasuah, dia bekerja pula membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan sama ada kepada Parti Pembangkang, Tuhan jauhkan pula, kalau dia membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan kepada musuh negaranya dan ada terdapat kakitangan Kerajaan yang tidak menunjukkan taat setia kepada negara ini. Maka dengan adanya kakitangan Kerajaan yang begini, walaupun kita ada Ketua Setiausaha Negara yang bijak dan cekap, macam-macam langkah dibuat, macam-macam tindakan tatatertib dibuat, tetapi tidak akan berkesan. Jadi bukan semua kakitangan Kerajaan yang saya maksudkan ada, kalau terjadi perkara ini berlanjutan, dia duduk dalam Jabatan Kerajaan, khasnya Ketua-

ketua Pejabat itu maka kerja yang kita harap, Kerajaan berjiwa rakyat ini tidak akan dapat dilaksanakan dan harapan rakyat akan musnah. Dengan adanya pindaan ini adalah baik iaitu diberhentikan, dipersarakan dia bekerja, kita hormat dia, tetapi dia tidak ada peluang membuat rayuan kepada Privy Council. Ini bukan tujuan kita hendak menyekat kebebasan hak asasi seorang kakitangan Kerajaan, tetapi inilah yang saya katakan tadi bahawa Kerajaan melaksanakan ini berdasarkan kehendak rakyat.

Selain daripada itu, saya gemar memberikan pandangan bukan sahaja kakitangan Kerajaan ini rasuah, tetapi kakitangan Kerajaan ini kadangkala dia berbaik-baik dengan pemborong-pemborong, samada pemborong besar atau pemborong kecil. Dia bekerjasama dengan pemborong-pemborong ini dalam satu-satu projek pembangunan mendapat faedah pemborong itu berjalan dengan lekas. Kalau didapati orang yang semacam ini patut kita fikirkan satu ketika kita persarakan dia. Dalam masalah ini saya gemar mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan membuat satu kajian memberi jumlah berapa ramai kakitangan Kerajaan yang rasuah, sama ada besar atau kecil dan jumlah kakitangan Kerajaan yang ponteng kerja, kakitangan Kerajaan yang ada membocorkan rahsia, kakitangan Kerajaan yang berupa tidak setia kepada negara. Hal-hal ini ada dalam fail masing-masing, kita boleh minta kerjasama daripada Ketua-ketua Jabatan, selepas itu kita ambil tindakan, ini boleh membantu dan menolong Rang Undang-undang ini.

Mengenai Fasal 4 yang bertujuan meminda Perkara 141A mengenai Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Ini adalah satu perkara yang sangat baik kita berikan tambahan. Tetapi tolong perbetulkan Suruhanjaya ini dalam beberapa perkara yang saya hendak sebutkan terutama sekali hendak mengambil guru-guru atau bakal-bakal pelatih. Waktu ditemuduga bakal-bakal guru-guru itu hendaknya janganlah dia ditemuduga dengan sambil lewa sahaja ertinya dia tengok orang itu masuk, dia tanya 2-3 soalan disuruh keluar.

Yang kedua, jangan menggunakan perkataan-perkataan yang menyentuh peribadi bakal-bakal calon yang hendak masuk maktab, kadang-kadang terdapat budak-budak perempuan dia menangis bila keluar daripada temuduga itu. Bila kita tanya kenapa

menangis? "Pegawai temuduga ini cakap bermacam-macam, tanya saya duduk kampung mana, ayah awak kerja apa," katanya. Jadi segan hamba Allah itu. Perbuatan ini kalau boleh tolong ditengok balik dan jangan diamalkan. Yang kedua, dalam masalah orang-orang yang kita telah panggil temuduga, apa salahnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran memberi jawapan kepada orang yang tidak berjaya itu untuk menyenangkan hatinya. Sekarang ini mereka tertungtunggu mungkin dapat, mungkin tidak dapat. Jadi dengan adanya Timbalan Pengerusi ini kerja boleh dilicinkan dan akan memberikan puashati kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maktab-maktab Perguruan sekarang Kerajaan telah selaraskan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kita kena perhatikan guru-guru pelatih yang duduk di maktab jangan pergaulannya merosakkan keperibadian orang-Islam, sebab kita mengharap mereka akan menjadi bakal pemimpin anak-anak kita. Tetapi kalau berlaku sifat-sifat yang merosakkan keperibadian kita sama ada dilakukan oleh pelatih-pelatih sendiri atau pelatih-pelatih itu dengan pensyarah. Pernah kita dengar pensyarah-pensyarah membuat hal dengan pelatih-pelatih. Ini satu perkara yang patut kita tengok, kita ambil tindakan demi kita hendak menjaga perkhidmatan pelajaran dengan begitu baik. Selain daripada itu guru-guru yang telah tamat latihan hendaklah Suruhanjaya ini segera serapkan sebagai pegawai tetap, jangan sampai guru itu sudah tamat latihan setahun atau tiga tahun belum lagi diserapkan sebagai kakitangan Kerajaan. Seperti kata Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abdul Razak dan terdapat sampai tiga tahun seorang guru yang tamat dari mana-mana pusat latihan baru hendak diserapkan menjadi pegawai Kerajaan yang tetap. Ini adalah satu masalah, mereka sudah berlatih dan mengajar anak kita, kita bayar gaji, kerana inilah gara-gara yang menyebabkan hati kakitangan Kerajaan tidak puashati akan pentadbiran kita. Bukan semua pentadbiran tidak betul, tetapi inilah satu punca yang menyebabkan sungutan-sungutan pegawai-Kerajaan.

Akhirnya, dalam bidang perkhidmatan guru di Sabah dan Sarawak dan guru-guru daripada Semenanjung yang dihantar sebagai pegawai kontrek di Sabah dan Sarawak apabila balik ke Semenanjung tolong berikan peluang kepada mereka itu iaitu servicenya

diambil kira. Perkhidmatan yang di Sabah itu disambung bila berkhidmat semula di Semenanjung sebab kita tidak mahu bila dia balik ke Semenanjung ada setengahnya hendak diberikan gaji macam gaji baru bekerja setelah berkhidmat lima tahun di Sabah dan Sarawak—mereka akan rugi. Ini juga patut diperhatikan dan ditimbang kalau kita hendak memelihara kepentingan pendidik-pendidik kita.

Satu perkara lagi berkait dengan guru-guru ini saya harap Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini memerhatikan tentang kenaikan pangkat guru-guru besar, guru-guru kanan, guru-guru lain, jangan mengikuti sangat kehendak politik. Ini saya minta maaf sebab kalau kita hendakkan tekanan politik seorang boleh jadi guru besar, seorang boleh jadi guru kanan, tatkala itu mutu guru yang kita anggap jadi guru besar atau guru kanan itu tidak akan penuh, maka yang rugi ialah anak-anak kita. Jadi kalau boleh kita cuba dengan seberapa baik mengambil jalan orang tengah iaitu orang yang ada kelayakan, ada mempunyai pengalaman dan itulah alasan-alasan yang patut diterima di atas kenaikan pangkat guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai Fasal 5 yang meminda Per-kara 149 mengenai menentang anasir subversif. Saya memberi sokongan dalam peruntukan yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini sebab kuasa tahanan pencegahan ini sangat mustahak. Sekarang rakyat merasa kurang tenteram, ketakutan dengan adanya kumpulan kongsi gelap-kongsi gelap atau pemerias. Bukan sahaja berlaku di bandar-bandar, tetapi ini akan mengganggu keyakinan orang-orang kita hendak berniaga, berusaha, berladang dan orang yang mendapat pendapatan yang lebih. Seperti baru-baru ini berlaku kepada seorang janda orang India kena peras ugut, keadaan ini menakutkan rakyat, tetapi bila hendak ditangkap kongsi gelap ini Kerajaan tidak dapat kenyataan yang penuh. Tetapi dengan adanya kuatkuasa Undang-undang ini orang ramai boleh menolong Kerajaan dan Kerajaan juga patut memberikan satu suguhati kepada sesiapa yang boleh memberikan khabar ini hingga dapat kenyataan yang betul bahawa kumpulan gelap ini telah berjalan. Kumpulan gelap ini bukan sahaja terdapat di bandar-bandar, orang-orang yang berniaga di market-market, berjual di kaki lima, tetapi mereka tidak berani

untuk mengadukan kepada Polis kerana dia takut kepada keselamatannya. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini saya fikir akan dapat mengamankan dan mententeramkan perasaan rakyat yang sentiasa kebimbangan dalam peras ugut dan juga kongsi gelap ini.

Umpamanya kita tengok mereka pergi naik bas pelancung pergi keluar, ke utara, ke selatan, selalu kena ugut di tengah-tengah jalan. Hal yang macam ini, kita tak mahu jadikan negeri kita ini negeri yang ditakuti oleh rakyat dalam negeri ini dan juga ditakuti oleh pelancung-pelancung kalau tak ada Rang Undang-undang ini. Tetapi saya harap supaya jangan pihak yang berkenaan, iaitu Polis menyalahgunakan kuatkuasa ini. Kalau disalahgunakan kuatkuasa ini akan terzalim pula orang-orang yang tidak bersalah dengan sebab tak puashati, dengan sebab dengki hati digunakan kuasa ini. Jadi pihak Kerajaan hendaklah menjaga, mengawal supaya kita jangan salahgunakan kuasa yang sangat baik yang diberi oleh Kerajaan.

Dalam masalah pengedar dadah, ini pun satu perkara yang sangat baik kuatkuasa Undang-undang ini kita teruskan, sebab penagih dadah dalam negeri ini bertambah dan pengedar dadah pun bertambah. Dalam negeri ini juga dijadikan oleh pengedar dadah antarabangsa pusat pengeluaran dadah, sebab di negeri kita ini banyak kilang-kilang memproses dadah. Dahulu kita dapat di utara, di Bukit Mertajam, di Ipoh, di Kuala Lumpur, di Johor dan di mana-mana, sebab memproses dadah ini adalah satu kerja yang tak payah dibuat dengan ramai, berkehendakan pakar dua tiga orang, bahan mentah itu diambil daripada Thailand, jadi diproses dalam negeri ini. Dengan sebab itulah sendiket-sendiket antarabangsa berhubung dengan dadah ini selalu berulang-alik ke dalam negeri kita ini untuk mengambil dadah ini dijual keluar negeri. Baru-baru ini berlaku orang yang hendak pergi keluar negeri dengan gayanya orang kaya, dapat ditangkap di Lapangan-terbang Subang. Alhamdulillah, itu dengan berkat kesan anjing dan didapati bahawa yang mengedar dadah ini sebahagian daripadanya orang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam masalah mengedar dadah ini supaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kena tengok berhubung dengan paspot orang-orang ini, sebab orang yang mengedar

dadah ini dia bergaya hidupnya, orang kaya, dia tidak ada kerja; sekejap dia pergi luar negeri, dalam seminggu dia pergi luar negeri, kemudian dia balik ke Malaysia, dia tidak ada satu kerja pada hal dalam banknya banyak simpan wang, inilah kerja orang pengedar dadah yang bertaraf antarabangsa. Jadi kalau hendak mengeluarkan paspot pada masa akan datang orang seumpama ini patut diawasi dan juga orang yang hendak minta paspot itu kalau orang-orang muda dan ada muka-muka orang dadah kita jangan beri, kita boleh kenal lebih kurang sedikit, tahan dia, demi kepentingan supaya kejadian dadah ini tidak merebak.

Dengan adanya kuatkuasa ini, Tuan Yang di-Pertua, orang ramai tahu di mana ada dadah tetapi hendak ditangkap dengan Undang-undang yang ada sekarang tidak boleh tetapi dengan adanya kuatkuasa ini sangatlah baik, dia tahu memang orang itu orang mengedar dadah, kita tahu kehidupannya, walau macamanapun, kita hendak tangkap dia tidak boleh, tidak ada bukti, tidak ada kenyataan. Jadi dengan adanya Undang-undang ini, kita tangkap dia, tahan dia, dengan ditahan ini akan dapat lagi ramai kawan-kawannya dan akan dapat lagi mengurangkan berhubung dengan pengedar dadah dalam negeri kita ini.

Selain daripada itu, berhubung dengan pengedar dadah ini, dengan kuatkuasanya nanti kita hendak laksanakan, kerjasama daripada Kerajaan negeri yang sama bentuk dengan Rang Undang-undang ini patut Kerajaan negeri jiran kita buat seperti di Singapura, di Hongkong, di Thailand. Di Hongkonglah tempat yang masyhur sekali. Kalau dapat kerjasama daripada negeri-negeri jiran kita ini maka Rang Undang-undang kita ini akan dapat dikesan, diluaskan dengan mengambil tindakan pendedaran dadah yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak bercakap dalam Fasal 6 dengan tujuan untuk mengecualikan pemakaian Peraka 147, 148 memberhentikan pembayaran pesaraan kepada pegawai-pegawai dagang. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan hujjah-hujjahnya dalam masalah ini. Saya ingin hendak tahu berapa ramai pegawai dagang yang terlibat dalam pembayaran pencen ini yang kita berhentikan.

Dengan adanya kuatkuasa ini tertanggungjawablah kepada Kerajaan Inggeris, berapa ramai kita hendak tahu dan saya hendak tahu juga bagaimana pegawai-pegawai Kerajaan British dahulu, yang bekerja dengan Kerajaan British—dahulu mereka tidak duduk di England, tidak duduk di Britain tetapi duduk di India, di Pakistan, orang yang macam ini juga patut kita samakan kuatkuasa Rang Undang-undang ini, sebab mereka dahulu bukan bekerja dengan kita, mereka bekerja dengan Kerajaan Inggeris, di Pakistan barangkali ramai, di India barangkali ramai, kita hentikan juga, kita minta Kerajaan Inggeris atau Kerajaan Negeri itu mengambil alih pembayaran pencen mereka. Tidak ada erti hasil negeri kita, kita dapat, kita bayarkan pencennya kepada orang dan orangnya bukan berkhidmat dengan Malaysia, orang ini dahulu berkhidmat dengan Kerajaan Penjajah, Britishlah yang bertanggungjawab.

Saya sangat bangga yang Rang Undang-undang ini dikemukakan walaupun lambat, sepatutnya awal-awal lagi kita sudah buat. Sudahlah lambat kita buat perjanjian sekarang dengan adanya kuatkuasa Undang-undang ini bukan sahaja di Semenanjung, di Sabah, di Sarawak terlibat semua sekali. Kepada orang-orang ini, saya menganggap, pegawai-pegawai dagang British ini ialah orang-orang yang bekerja dengan Kerajaan Colonial dulu dan bagi saya dahulu lagi pun tidak patut kita beri mereka hak persaraan, sebab melalui Kerajaan Colonial juga yang telah membuat satu jenayah politik kepada tanahair kita di Semenanjung, di Sarawak dan Sabah. Apa jenayahnya? Masa Kerajaan Colonial dulu membukakan pintu Malaysia ini seluas-luasnya kepada orang dagang tetapi bila penjajah keluar daripada tanahair kita, mereka tidak bawa orang-orang ini keluar. Inilah yang saya kata tidak patut kita bayar pencen kepada mereka pada masa dahulupun, sebab ini satu jenayah politik yang dilakukan oleh Kerajaan British yang kesannya kita hadapi pada masa sekarang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan penuh di atas Rang Undang-undang ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada hari Isnin, 8hb Januari, 1979 pada pukul 2.30 petang.

**Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada hari Isnin, 8hb Januari, 1979 pada pukul 2.30 petang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain.

4.38 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang. Saya dengan segala rendah hati menyokong Rang Undang-undang ini akan tetapi sebelum itu saya bercakap sepatah dua dalam masalah ini.

Pertama ialah pindaan Perlembagaan berhubung dengan Dewan Negara. Di dalam negara kita sekarang ini diperuntukkan tiap-tiap negeri mewakili dua orang daripada

tiap-tiap negeri ke Dewan ini tetapi setelah Wilayah Persekutuan ini diwujudkan maka pihak Kerajaan telah bercadang mengadakan pula Wakil Wilayah Persekutuan di Dewan ini. Maka rasa saya kena pada tempatnya Kerajaan mencadangkan tambahan dua orang wakil di Dewan Negara ini, khususnya untuk Wilayah Persekutuan dan langkah yang dibuat ini adalah satu langkah yang ke hadapan yang dipandang oleh Kerajaan bagi mengimbangkan wakilnya yang ada di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini sebagaimana negeri-negeri lain dalam Malaysia ini. Akan tetapi wakil yang dipilih kelak saya berpendapat, terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan sama ada hendak melantik golongan-golongan yang difikirkan patut, menasabah, maka itu terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan mengikut kehendak-kehendak Perlembagaan kerana kalau kita menentukan atau menyuarakan hari ini sesuatu golongan yang tertentu sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya tadi, hendaklah dilantik orang Sikh atau orang ini, maka ini mengikat Kerajaan dan jikalau tidak dipenuhi oleh Kerajaan maka ini akan mengecilkan hati golongan tertentu. Maka adalah lebih bijak bagi Dewan ini jikalau kita pulangkan kepada kebijaksanaan Kerajaan menubuhkan kerusi yang mewakili Wilayah ini. . . . .

**Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. He misunderstood me. I was talking about 8 Senators, not about 2 Senators for Wilayah.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana saya diberi penerangan oleh sahabat saya dengan bahasa Inggeris dan saya faham apa yang diterangkannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, walau yang 8 atau 10 orang itu ditetapkan satu Sikh, ini sudah mengikat Kerajaan bahawa Sikh mesti dilantik kerana suaranya tidak didengar di Dewan Negara. Oleh sebab kita menghargai dan menyayangi Kerajaan, menghormati Perdana Menteri yang kita kasihi, apa salahnya kita memberi kebebasan kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kepada sesiapa pun, waima apa bangsa sekalipun yang tidak payah kita nyatakan rupa ugama dan rupa bangsa-bangsa itu sendiri. Kalau kita minta di Dewan ini, maka ini akan mengikat

bahawa Dewan ini sudah meminta dan kebebasan Kerajaan adalah tergugat. Itu pada pandangan saya yang daif, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pandangan ini boleh dikeluarkan mengikut kebebasan Perlembagaan bagi memberi pandangan, saya berpendapat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menentukan peruntukan daripada 6 tahun kepada 3 tahun hendaklah rakyat memikirkan bahawa Ahli-ahli Dewan yang ada hari ini tidak mementingkan kedudukannya sendiri, walaupun ada jaminan bahawasanya mereka yang dilantik ini terus sehingga tamat perkhidmatannya, tetapi pada ahli yang baru kelak, yang 10 orang itu diuntukkan tiga tahun sahaja. Tetapi rakyat hendaklah memikirkan bahawa inilah satu pengorbanan yang diberi oleh Dewan ini sendiri kepada Kerajaan yang sepatutnya perkara-perkara berhubung dengan ahli politik ini kelak benar-benar ahli professional, kedoktoran, kelawyeran dan sebagainya, inilah ahli yang patut, akan tetapi pengalaman dalam politik juga perlu difikirkan. Oleh sebab itu pada awal-awal tadi telahpun mengatakan bahawa saya bersetuju dan menyokong Bil ini, akan tetapi keahlian, kemahiran seseorang keahlian lama perkhidmatannya, begitu juga kejujuran, pengalaman seorang itu adalah perkara yang patut dipertimbangkan melantik seseorang ahli baru supaya mencapai tujuan hendak menambah Ahli Dewan Negara ini daripada bilangan sekarang ini 32 orang kepada 40 orang, bukanlah maknanya memenuhi sebagaimana yang dicakapkan oleh sahabat saya tadi menampung yang mana cicir, tetapi hendaklah ianya merupakan lantikan yang memberi faedah bukan sahaja kepada golongan-golongan tertentu, tetapi hendaklah lantikan itu merupakan faedah kepada keseluruhannya.

Saya tidak membangkang apa yang dicakapkan oleh seorang sahabat saya tadi bahawa ahli-ahli itu mestilah dilantik daripada berbagai-bagai persatuan, kerja-kerja kebajikan atau lain, lain; kalaulah itu dasar yang kita buat dan kalaulah itu dasarnya yang kita ikuti, maka suara berkehendakkan duduk dalam Dewan Negara ini akan datang daripada banyak pertubuhan menuntut supaya wakilnya diwakili dalam Dewan ini dan kalau keadaan itu sudah berlaku tentulah ketinggian dan Dewan ini juga terhad batas khidmatnya. Apa yang saya hendak sarankan

kepada Kerajaan ia tidak merupakan mewakili satu-satu jurusan. Kalau ianya dilantik kebetulan dalam jurusan itu, apa boleh buat kerana Kerajaan hendaklah memandang daripada rakyat yang 10 juta di dalam negara ini berhak diperlantikkan menjadi Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya tidak menentang atas lantikan orang perseorangan, tetapi atas mewakili satu-satu badan dalam Dewan ini kelak, ada persatuan yang akan menuntut supaya wakil badannya diwujudkan juga di Dewan Negara. Maka ini akan menyulitkan Kerajaan pada masa hadapan.

Dalam masalah-masalah yang lain seperti masalah elaun, gaji harian, perbezaan Dewan Rakyat dengan Dewan Negara, saya rasa tidak usahlah kita timbulkan. Kita pulangkanlah kepada Kerajaan menimbangkan sejauh mana kesungguhan pertimbangannya dalam masalah ini, kerana Kerajaan mempunyai penasihat-penasihat yang tinggi pandangannya boleh membandingkan perkara yang saya katakan, hanya saya mohon kepada Kerajaan atas sesuatu yang wujud di antara Parlimen, Dewan Rakyat dengan Dewan Negara ini haruslah sama berat. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Budget di Dewan Rakyat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, pihak TV dengan segala alat perkakasnya mengambil gambar secara langsung untuk dihebahkan kepada rakyat melalui siaran TV. Sepatutnya apa yang berlaku di Dewan Rakyat mestilah juga berlaku di Dewan Negara, pihak TV mestilah datang pula ke Dewan Negara mengambil gambar mana-mana yang patut diambil supaya tidak nampak perbezaan layanan di antara dua Dewan ini.

Kalau ada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap membentangkan Bil ini, haruslah keadaan Dewan ini diketahui ada juga photographer tetapi dari atas mengambil gambar (fokus) oleh rakyat lebih-lebih lagi usul ini dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Dewan Negara. Jadi kemudahan-kemudahan ini Tuan Yang di-Pertua, yang minta disamakan.

Umpamanya, kemudahan-kemudahan yang ada sekarang ini di Dewan Negara. Yang saya maksudkan ialah perubahan, kelemahan yang ada di Dewan Negara sekarang ini—

dengan tak ada Hansard, pukul 4.00 petang sudah tak ada kakitangan di pejabat. Bermesyuaratlah kita di Dewan yang mulia ini samada Dewan Rakyat atau Dewan Negara tidak ada kakitangan di pejabat dan tak ada Hansard yang kita boleh baca pada hal kezalimannya dahulu memang ada berbelas-belas tahun dahulu keadaan berjalan seperti itu, dengan demikian, mudahlah ahli-ahli membuat hubungan selidikan dan lain-lain lagi yang kita kehendaki untuk membuat rujukan, pegawainya ada, kita pergi ke perpustakaan ada pegawai di bilik perpustakaan, kita boleh ambil buku buat rujukan kita berlari ke pejabat barangkali ada satu keterangan yang perlu kita ambil, kita boleh berbuat demikian. Tetapi pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, keistimewaan yang ada itu tidak ada lagi dan inilah yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya merujuk kepada Perbendaharaan bagi menimbangkan sebagai "special case" atau perkara yang utama dalam masalah pembayaran elaun kepada kakitangan Parlimen supaya terdapat kemudahan kepada Ahli-ahli Dewan ini sendiri dalam masa Dewan ber-sidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati bahawasanya dalam masalah pesara pegawai dagang yang telah dapat diiktikarkan oleh Kerajaan kita membuat pindaan dengan Kerajaan United Kingdom. Tetapi bolehlah saya gambarkan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kalau bersara tahun 1957 iaitu pada Hari Merdeka, perkiraan ini dibuat sebelum merdeka, pada masa itu umur mereka ialah 55 tahun dan sekarang ini tahun 1978, 21 tahun campur 55 tahun maka umur dia 76 tahun pada masa ini. Tetapi mengikut umur orang Asia, Tuan Yang di-Pertua, umur 70 tahun jarang, kebanyakan meninggal dunia di antara 65-70 tahun dan kalau ada pun tak lama lagi dia hidup. Kalau kita kira daripada masuknya Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia sejak tahun 1963, sudah 15 tahun—55 campur 15 menjadi 70 tahun. Saya bersetuju sekiranya orang-orang India yang ada di India yang dahulunya berkhidmat dengan colonial dapat persaraan, yang ada di Ceylon, yang ada di Pakistan, mungkin ada di lain-lain negeri dibuat perkiraan. Tetapi memandangkan pada umur mereka yang masih hidup itu, saya fikir perundingan kita tamat, boleh jadi setengah daripada mereka sudah tak ada. Begitu juga dengan orang-orang yang lain yang tinggal di dalam negeri Brunei, kalau

ada. Yang demikian saya mengalu-alukan perjanjian yang dibuat dengan Kerajaan British itu.

Masalah pegawai yang diberhentikan kerana tidak berdedikasi dan tidak berminat. Ini satu perkara yang saya fikir perlu dan patut diadakan dan dengan adanya langkah-langkah itu, boleh mengingatkan kepada kakitangan Kerajaan supaya mereka lebih beringat. Ada setengah orang mengatakan kalau kita pergi ke sebuah negara jiran kita perkhidmatan kakitangan Kerajaan di negara itu cukup memuaskan, sebabnya di antara seseorang pegawai dengan seseorang pegawai tak tahu hati masing-masing dengan menjalankan urusan dengan tekun dan taat. Jadi masing-masing berkhidmat dengan cara segera dan cepat kerana takutkan peraturan perkhidmatan yang tersusun rapi yang tetap mengawali mereka. Saya berharap supaya kakitangan Kerajaan bekerja bersungguh-sungguh dan pegawai-pegawai yang diamanahkan bagi menjaga pegawai-pegawai itu tidak menganiaya orang-orang yang di bawahnya. Saya harap Kerajaan akan menggunakan kuasa-kuasa yang ada dengan penuh teliti dan pertimbangan yang adil kepada kakitangan Kerajaan. Kepada pegawai-pegawai yang tinggi yang mengawal semua kakitangannya hendaklah penuh keadilan, timbang rasa dan janganlah ada hendaknya perasaan dengki dan khianat kepada kakitangan di bawahnya, kerana kakitangan di bawah ini cuma bergantung kasih sayang daripada ketua-ketua yang di atas. Kalau sekiranya ini dapat diamalkan saya fikir hasrat Bill ini akan dapat dilaksanakan dan Kerajaan menuju kepada matlamat yang ditujunya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah perkara yang hendak saya sentuh dan pada akhirnya saya menyokong Bill ini bagi diluluskan.

### 5.02 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini. Perlembagaan ini bukan hanya Quran, tetapi adalah dibuat oleh manusia. Oleh sebab itu Perlembagaan ini boleh ditukar dari satu masa ke satu masa.

Mengikut politik, kalau kita belajar politik (political science), ia bukanlah sains yang biasa atau kira-kira yang kita katakan  $2 \times 3 = 6$ , tetapi politik  $2 \times 3$  boleh jadi 10;

$2 \times 3 = 6 + 4$  jadi 10; ini politik. Jadi terpaksa-lah kita kaji dengan secara politik, bukan dikaji sebagai legal, kalau legal memanglah kita kata numan concept, human right, bermacam perkara akan timbul, tetapi oleh kerana ini adalah mustahak, kalau tidak begitu apa yang diharapkan tidak jadi. Dengan sebab itu saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa, Kabinet dan seluruh orang ramai berasa iaitu Perlembagaan ini patutlah dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang yang tidak suka sangat pandangan-pandangan seseorang itu disekat-sekat. Saya percaya kepada demokrasi, sama ada pandangan itu diambil oleh Kerajaan atau tidak, itu lain fasal. Tetapi pandangan saya, saya akan hamburkan, ini adalah pandangan saya. Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri semalam iaitu di Dewan inilah patut kita hamburkan fikiran kita, baik betul atau tidak betul. Kalau tak betul apa boleh buat, kerana kita manusia biasa bukannya Tuhan, maka kadang-kadang buat kesilapan dan sebagainya. Dengan sebab itu saya harap pandangan-pandangan seorang Ahli di sini adalah bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas pindaan Perkara 45 dengan sepenuhnya. Tetapi tidaklah saya berfikir seperti ada setengah-setengah pihak Pembangkang dan setengah orang dalam negeri kita ini mengatakan Dewan Negara ini tidak guna. Itu sebabnya dari semasa ke semasa dipendekkan umurnya daripada 6 tahun ke 3 tahun, dari 3 tahun ke 2 tahun dan akhirnya besok langsung lenyap Dewan Negara. Saya ingat itu bukanlah tujuan Kerajaan tetapi tujuan Kerajaan untuk memendekkan masa sahaja. Dengan sebab itu saya sokong di atas perkara ini.

Tadi rakan-rakan saya telah mengatakan berkenaan dengan keistimewaan menjadi Ahli Dewan Negara. Saya tidaklah hendak bercakap perkara itu oleh kerana apabila telah dilantik menjadi Ahli Dewan Negara pandangan mereka itu adalah pendangannya, tetapi kepada saya terpujanglah kepada pihak-pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pandangan itu saya hendak cerita ada 3 orang muafak sembahyang. Tuan Yang di-Pertua, tahu tak muafak? Tahu ya! seorang muafak kata kalau hendak sembahyang jangan bercakap. Jadi 3 orang muafak ini sembahyang. Apabila sembahyang seorang

muafak nampak tikus lalu. Dia kata kepada kawannya "Hai ya tikus atak lalu la". Yang seorang lagi kata "Lu jangan cakap, orang sembahyang tak boleh cakap." Yang seorang lagi pula kata, "Lu sudah cakap." Jadi ketiga-tiganya salah. Saya pun salah dan semuanya salah. Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang semuanya ada tersilap tentang pandangan-pandangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara menambah ahli Dewan ini dan sebagainya itu telah dicakapkan oleh rakan-rakan saya, saya tak mahu bercakap di atas perkara itu oleh kerana saya sokong di atas perkara ini. Tetapi berkenaan dengan pindaan Perkara 135 (2) yang hendak bercakap dengan panjang lebar. Tuan Yang di-Pertua, selepas 20 tahun kita merdeka rakyat di Malaysia ini walau apa bangsa sekalipun, telah membayar cukai dan sebagainya, mereka ini mengaku iaitu negeri ini negeri kita termasuklah bumiputrnnya yang ada hak-hak istimewanya.

Selama 20 tahun merdeka negeri Jepun, waktu Meiji gidai atau Meiji regime selepas Jepun sudah tidak lagi menjadi Samurai 15 tahun selepas itu Jepun boleh berperang dengan Russia, apa sebabnya? Pada masa itu dia tidak ada universiti, dia tidak ada senapan dan tidak ada segala-galanya tetapi 15 tahun kemudian Jepun menjadi sebuah negara yang kuat dan makmur, sebab dedication, orang-orangnya bersemangat mahu bekerja dan mahu mati untuk negara. Inilah yang pentingnya. Kita tanya kepada pegawai-pegawai kita, kita tanya kepada diri kita, kita sebagai Ahli Dewan Negara adakah kita bekerja begitu, baik Ahli Dewan Rakyat, baik Ahli Dewan Negara atau sebagai Kerajaan. Kita salahkan pegawai Kerajaan. Ada setengahnya bekerja betul dan ada setengahnya Wakil Rakyat ini tidak ada bekerja betul juga dan kita sendiri di sini ada kesilapan-kesilapan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh 20 tahun kita telah mencapai kemerdekaan, kita tanya apa telah diberi kepada rakyat. Ya, betul kita telah beri jalan, kita telah beri taliair dan sebagainya. Kenikmatan kepada rakyat itu tidak ada sesiapa boleh menafikan melainkan pihak Pembangkang sahaja kata tidak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran yang dicapai oleh rakyat kalau diukur 20 tahun lamanya memang sekali-kali tidak menepati janji kita kepada rakyat. Itulah saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita dengan ini ada kesilapan, kesilapannya iaitu kebanyakannya ada kepada pegawai-pegawai Kerajaan sebab yang menjalankan tugas (Executive), ini adalah pegawai-pegawai Kerajaan. Kita ini Legislative, membuat undang-undang, kita ini bercakap tetapi yang menjalankan kerjanya ialah pegawai-pegawai Kerajaan termasuk Menteri-menterinya yang menjalankan kewajipan-kewajipan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok tiap-tiap hari, kita lihat tiap-tiap bulan, tiap-tiap tahun, kita pergi ke pejabat-pejabat; betul ada banyak pegawai-pegawai bekerja betul-betul tetapi ada juga pegawai yang ponteng yang tidak bekerja benar-benar untuk negara ini. Mereka bekerja dibayar gaji oleh Kerajaan \$1,000 sebulan atau \$1,500 sebulan, kalau dinilai dengan pembayaran kepada mereka memanglah tidak boleh dibayar. Sebab kalau diukur dengan pekerjaannya memang tidak sesuai. Datang pada pukul 8.30 kadang-kadang pukul 9.00 baharu datang, pukul 4.30 waktu balik kalau boleh pukul 3.00 pun dia hendak balik. Kepada pegawai-pegawai Kerajaan jangan fikirkan saya anti-pegawai Kerajaan, sayapun dahulu pegawai Kerajaan juga, tetapi yang saya berkehendakkan dedikasi pegawai Kerajaan ini, tentang gajinya satu dan negaranya satu itu patut difikirkan oleh mereka ini. Inilah yang sepatutnya dedikasi itu dipantakkan kepada otak masing-masing dan diberi mereka semangat sayangkan bangsanya, sayangkan ugamanya, sayangkan negaranya. Kalau tidak begitu saya fikir satu masa tidak lama lagi negara kita ini akan berubah corak daripada corak demokrasi kepada corak ideologi yang lain iaitu komunis macam mana yang kita nampak pada hari ini negeri-negeri yang ada di selatan Asia ini, di dalam ASEAN tidaklah, tetapi di luar ASEAN iaitu Vietnam, Kemboja, Laos. Jadi itulah sebabnya saya katakan di sini dedikasi pegawai-pegawai Kerajaan adalah mustahak terhadap kerja-kerjanya terutama sekali untuk pembangunan negara ini.

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah Menteri Kewangan telah memberikan peruntukan dalam Budgetnya bermelion-melion ringgit untuk pembangunan. Buat jalan, buat itu dan ini seperti perumahan murah tetapi 20 tahun lamanya kita tengok belum siap-siap rumah murah itu. Kalau Encik Lee Kuan Yew di Singapura, Tuan Yang di-Pertua, boleh buat banyak rumah-rumah pangsa macam cendawan tumbuh,

apa sebab Kuala Lumpur tidak boleh buat. Bila ditanya ada sahaja jawapannya, ini yang tidak betul, ini yang tidak ada semangat, bila tanya sahaja ada dalih-dalihnya, dalih kosong yang tidak ada logik sama sekali. Kalau Singapura Encik Lee Kuan Yew dengan Kerajaannya, dengan Singapura yang begitu kecil boleh memberi rakyatnya tiga melion dengan rumah-rumah pangsa, mengapa Kuala Lumpur ini tidak boleh beri, mustahil sebab pegawai-pegawai lembab, bukan semua tetapi pegawai pemerintahnya lembab. Cuma apa yang dibuatnya hawkers di tepi-tepi jalan yang miskin itu sahaja diburunya, rumah-rumah yang buruk itu sahaja yang ditarik, rumah-rumah setinggian itu sahaja yang dirabut, orang-orang susah lagi susah dibuatnya dan orang itu dinaikkan pangkat, itulah orang yang dipuji tetapi pembangunan apa dia? Apa yang dibuatnya untuk pembangunan masyarakat yang miskin. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan tadi pegawai-pegawai inilah yang tidak mahu berkhidmat bermati-matian untuk bangsa. Pegawai inilah patut diberhentikan dan diber-sarakan selain daripada pegawai-pegawai yang rasuah dapat itu dan ini kerana ada bukti yang susah didapati. Itu saya sokong sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, memandang daripada kaca mata saya, pegawai-pegawai yang menguntungkan dan pegawai-pegawai yang merugikan Kerajaan, pegawai yang merugikan Kerajaan iaitu pegawai-pegawai apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan iaitu yang menunggu masa (mark time) sahaja, setengah berniaga, setengah bekerja dan setengahnya itu rasuah dan lain-lain lagi. Kita mesti perhatikan juga, Tuan Yang di-Pertua. Kita sebelah pihak sini juga Ahli-ahli politik tidak rasuah, Ahli-ahli Exco, Menteri-menteri Besar—bukan seorang Menteri Besar—patut ditengokkan betul-betul. Seorang Menteri Besar misalnya telah menjadi Menteri Besar selama lima, enam atau sepuluh tahun boleh jadi kaya-raya—bukan satu—ini cakap benar—periksa betul-betul. Ahli-ahli Exconya senang sahaja berniaga dan tugasnya sebagai Exco konflik. Saya menghamburkan ini, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hamburkanlah apa-apa yang saya suka dengan berani. Ini sebabnya saya berani menghamburkan perkara ini supaya negeri kita, jangan jahanam. Ini bukan seorang, ada banyak dan boleh dinamakan. Jadi, dua belah pihak, Exco Member bagi

Negeri atau Menteri-menteri berbuat demikian apa yang patut kita buat terhadap mereka ini, diberhentikanlah serta-merta atau dihantar ke United Nations jadi Ambassador, apa mesti dibuat?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita kehendaki pada hari ini ialah pegawai-pegawai Kerajaan yang benar-benar untuk menyelamatkan bangsanya. Kalau tidak begitu dalam masa tidak berapa lama lagi, dalam tempoh 10 tahunpun tidak sampai negeri ini akan menjadi negeri komunis. Sebab manusia hendak kebendaan, siapa manusia yang tidak hendak kebendaan? Bila saya tanya perumahan nanti Menteri kata \$15,000 ini rumah murah, tetapi bolehkah orang yang bergaji \$4-\$5 sehari dapat rumah murah itu? Itu bukan rumah murah dan itu sebabnya Menteri dan pegawai Kerajaan bertanggungjawab. Inilah tujuan-tujuan yang kita hendak memberhentikan pegawai-pegawai yang tidak berminat hendak bekerja dan pegawai-pegawai rasuah. Begitu juga kedua belah pihak bagi pihak Kerajaan, pemerintah dan juga pegawai pemerintahnya. Ada setengah-setengah pegawai tinggi boleh datang pukul 10.00 tetapi pegawai rendah mesti datang pukul 8.00. Ini juga mesti ditengokkan.

Apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi, ini juga mesti ditengokkan yang saya katakan ada juga orang-orang yang khianat akan melaporkan yang tidak tentu. Seperti di zaman darurat dahulu kalau dia sakit hati kepada seseorang dia laporkan kepada polis dikatakan orang itu komunis, dengan adanya Undang-undang Darurat maka orang itu ditahan dengan tidak tentu fasal. Ini juga mesti difikirkan kerana ini adalah darurat juga yang kalau kita tengokkan pindaan bagi Perkara 135 (2) dengan Perlembagaan yang akan dipinda iaitu Perkara 149 ini adalah lebih kurang serupa sahaja. Perkara 135 (2) tentang kakitangan Kerajaan dibuang dengan tidak dibicarakan dan Perkara 149 orang jahat ditangkap dengan tidak dibicarakan, lebih kurang serupa juga, maknanya darurat juga, tidak ada bezanya. Dengan sebab itu terpaksa kita berhati-hati apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak tadi iaitu kita fikirkan benar-benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu iaitu ada seorang Menteri Besar, telah memanggil segala Exco Membrosnya, Wakil

Rakyat dan pegawai Kerajaan untuk mendengar lecturennya. Dia kata kalau Raja mendapat hadiah—itu persembahan daripada rakyat. Semua orang melopong mulut—ini Menteri Besar bercakap. Kalau Raja memberi kepada rakyat adalah anugerah, kurnia. Kalau ada barang diberi kepada Menteri Besar itu adalah cenderamata. Orang-orang lain senyap sahaja. Kalau orang beri kepada Menteri Besar—ini cenderamata. Semua orang diam, semua kata betul sahaja, termasuk Anti-Corruption pun kata betul. Jika-lau sekiranya beri kepada Wakil Rakyat atau Exco Member—itu hadiah. Jikalau pegawai Kerajaan mengambil duit—itu rasuah, pegawai Kerajaan cukup takut. Inilah yang kita mesti fikirkan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini jangan ada pula dikatakan definition yang salah, yang dibuat-buat, ini tidak patut.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pindaan Perlembagaan Perkara 149. Ini memang mustahak juga. Apa yang dikatakan dalam Perkara 135 tadi lebih kurang serupa, ini darurat. Memang dalam negeri kita saya sebutkan macam-macam gangsterism ada. Ada gangsterism secara Perlembagaan yang dikatakan Freemason; itu dengan Perlembagaannya. Oleh kerana dikatakan Freemason ini, saya bukan anti-Freemason sebab ada perlembagaannya yang dikatakan itu. Di waktu Nabi Allah Sulaiman (alaihissalam) dahulu, Nabi Allah Sulaiman (a.s.) ini mati tegak kerana menengok istana dan tempat sembahyangnya belum juga siap, ada setengahnya siap dan yang setengahnya belum siap lagi, akhirnya beliau mati. Orang yang membuat istana dan tempat sembahyangnya, dibuat satu organisation dinamakan Freemason, Freemason inilah yang mula-mula sebagaimana gangsterism terjadi di atas dunia ini. Itulah Secret Society yang mula-mula dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang haramnya iaitu yang cucuk ambil darah, yang minum darah, darah ayam dimasukkan, diminum—itu Secret Society juga berasal dari negeri China. Jadi hendaklah dikaji berkenaan dengan Secret Society ini. Dia buat macam-macam tanda, ada tiga bintang dekat tangannya, kalau ditopinya diletakkan bulu ayam, ini tanda gangnya. Ini semua yang dikatakan Secret Society termasuk Secret Society yang tidak halal, ada yang halal. Yang halal saya tidak mahu cakap, tetapi yang tidak halal ini yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan orang Islam tidak usahlah masuk pertubuhan itu.

Ada yang lebih dahsyat lagi, masalah yang teruk sekali adalah ganja, dadah. Dadah ini sudah jadi penyakit besar sebab dibuat undang-undang ini sebagai salah besar. Sesiapa yang mengedarkan dadah dia akan dihukum penjara atau dibunuh. Baru-baru ini ada seorang Member of Parliament (Ahli Parlimen) Turki datang ke mari dan Tuan Yang di-Pertua juga ada bersama makan malam di Hotel Equatorial. Dalam masa bercakap itu selepas makan semeja dengan saya, saya bertanya di Turki ada bunga-bunga Poppy, ini bahan-bahan dadah, macam mana di Turki berkenaan dengan dadah ini, sebab dia yang buat dadah. Dia kata orang Turki satu orang pun tidak mengisap dadah. Ini pelik juga. Dia kata dia tanam bunga ini untuk diekspot, untuk hasil dalam negerinya, tetapi orang Turki langsung tidak menghisap dadah. Saya tanya apa sebabnya? Katanya orang Turki adalah orang Islam, dia ada ugama dan didikan di sekolah-sekolahnya menyatakan bunga ini adalah untuk mengubat penyakit-penyakit. Itulah sebabnya diekspot keluar negeri.

Apa sebabnya orang-orang yang beragama Islam di negeri kita, baik orang Islam, baik Christian atau Buddist tidak menyebarkan perkara ini kepada orang-orangnya menyatakan perkara ini tidak boleh hisap, haram, jangan hisap. Kenapa educationist ataupun Menteri Pelajaran, kalau tidak Menterinya, Kementerian Pelajaran kita tidak adakan satu kursus untuk sekolah-sekolah daripada sekolah rendah ke sekolah menengah atau sekolah tinggi mengatakan dadah tidak boleh hisap. Ini dia penyakit dadah. Beri penerangan-penerangan kepada pemudapemuda atau kanak-kanak yang kecil ini. Itu sebabnya di Amerika Syarikat dan di negeri-negeri barat, Tuan Yang di-Pertua, lelaki dan perempuan bercampur-gaul tetapi diberi penerangan, begini dan begitu silapnya. Kalau silap, begini jadinya, diterangkan.

Begitu juga kita mesti terangkan macam mana azabnya kepada budak itu ataupun seseorang yang menghisap dadah. Saya dapati di radio atau TV tidak ada diterangkan. Kita buat undang-undang sahaja. Kalau kita hendak menangkap atau menjerat orang itu lain soallah. Tidak akan habis-habis kalau buat undang-undang begini sahaja. Tetapi kita juga mesti ada protection supaya dadah ini tidak merebak. Seorang ditangkap 10 yang datang atau 100 yang datang, Tuan Yang di-Pertua, macam mana kekerasan Jepun dahulu adalah terhadap kita di sini,

seorang dipancung 10 yang datang menentang. Begitu juga sekarang. Jadi kita mestilah ada cara bagaimana hendak membuatnya. Macam mana untuk mempertahankannya. Kerajaan telah buat undang-undang tetapi ada sebelah pihak yang lain membuat cara bagaimana hendak mempertahankan dadah ini. Ada ditunjukkan bahaya dadah ini daripada satu tempat ke satu tempat sepertimana exhibition yang saya tengok. Itu tidak boleh jadi juga. Dia hendak hari-hari supaya dapat diterima oleh otak masing-masing terutamanya kanak-kanak kita. Adakah Kerajaan buat? Sudahkah Kerajaan buat, dan sudahkan Kerajaan bertanggungjawab atas perkara ini. Jawapannya belum lagi. Di TV pun tidak pernah kita menengok. Tidak pernah dikatakan dadah merbahaya daripada komunis, tetapi tidak ada apa-apa. Inilah kerja Pegawai Penerangan, Kementerian Penerangan. Kalau ditanya akan dijawab nanti: (*Dengan izin*) "one man's meat is another man's poison". Beginikah jawapannya? Dijawab nanti ialah dengan cara yang tidak bertanggungjawab.

Saya harap Menteri mengambil berat hal dadah ini. Ini hanyalah pandangan-pandangan yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, ini saya beri penerangan-penerangan saya supaya perkara ini dapat kita perbaiki.

Saya fikir tidak ada apa-apa hal lagi yang hendak dicakapkan. Saya sememangnya dengan betul-betul dengan hati yang tulus ikhlas 100% menyokong Rang Undang-undang ini.

5.34 ptg.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya mengalu-alukan pindaan Perlembagaan yang dibentangkan di dalam Dewan ini dan ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil daya usaha dalam perkara yang maha penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada beberapa perkara yang telah dibuat pindaan di dalam Perlembagaan ini tetapi saya tidaklah bercadang hendak bercakap di dalam semua perkara, hanya saya hendak bercakap di dalam dua masalah sahaja.

Dengan pindaan ini lahirlah semula kepercayaan kita bahawa janji yang telah dibuat di dalam masa pilihanraya yang lalu iaitu Kerajaan akan menubuhkan sebuah

Kerajaan yang bercorak rakyat dan bersih, maka saya berharaplah setelah diluluskan undang-undang ini, di dalam jangkamasa yang pendek satu perubahan akan dapat dibuat supaya perlaksanaan segala dasar-dasar Kerajaan akan dapat berjalan dengan tidak ada halangan yang selalu ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimana sekalipun, saya masih rasa terkilan, iaitu sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dengan pindaan ini akan terhapuslah cabaran bagi mana-mana pihak untuk mencabar kuasa-kuasa yang ada pada Kerajaan melalui Privy Council. Dan adalah wajar sekali di dalam sesebuah negara yang merdeka seperti Malaysia boleh menyelesaikan masalah yang dihadapinya dengan tidak payah merujukkan perkara-perkara yang seperti ini kepada pihak yang ketiga. Walau bagaimanapun, masih terdapat sepertimana yang telah diterangkan semalam bahawa peruntukan-peruntukan yang membolehkan tuntutan-tuntutan civil yang mempunyai nilai yang tinggi untuk dihadapkan kepada Privy Council bagi mendapatkan keputusan yang muktamat.

Di dalam hal ini, walaupun pada lahirnya kita nampak bahawa kita telah memberi peluang dengan sepenuh-penuhnya kepada setiap mereka yang didakwa bagi mendapatkan keputusan yang muktamat di dalam sebuah mahkamah yang tertinggi. Tetapi dari sudut yang lain kita akan dapati bahawa pertalian kita khususnya dengan negara Inggeris atau Great Britain masih kukuh yang mana boleh menimbulkan cacat atau cedera kepada kemerdekaan kita yang sudah berjalan lebih daripada 21 tahun.

Selain daripada kecacatan yang terdapat di dalam hal ini yang menunjukkan kekurangan kedewasaan negara kita di dalam memutuskan satu-satu masalah yang terjadi di dalam negara kita akan timbul pula satu perkara yang lain iaitu berkaitan dengan di mana di dalam masa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan dulu, semangat kita telah berkobar-kobar yang tinggi untuk menentukan iaitu hanyalah Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi bagi negara kita ini.

Saya tidak nampak sebarang unsur yang boleh memberi kecerdasan kepada Bahasa Melayu selagi perkara-perkara yang berkait dengan undang-undang masih dirujukkan kepada mahkamah di negara Inggeris atau

Great Britain. Ini dengan secara tidak disedari telah membantut perjalanan Bahasa Kebangsaan dan kita akan sukar menjadi sebuah negara yang betul-betul merdeka dan mempunyai mahkamah yang bertutur dengan bahasa Inggeris. Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, perkara ini adalah amat mustahak dan amat penting, dan saya rasa juga adalah satu perkara yang amat mustahak dan amat penting bagi kita sebagai warganegara, sebagai anak watan sendiri mendirikan bahawa di satu masa kelak di dalam masa yang singkat kita boleh memutuskan semua masalah baikpun jenayah, mahupun zinah, di dalam negara kita sendiri. Yang saya tahu sepertimana yang telah saya mendapat penjelasan bahawa Singapura, yang juga menjadi salah satu anggota Komenwel, tidak langsung merujukkan kes-kes mereka kepada Privy Council dengan keseluruhannya; begitu juga India dan Pakistan. Kalau negara-negara ini boleh mendengar kes-kes di negara mereka masing-masing dengan tidak payah merujuk satu perkara pun kepada Privy Council, saya percaya kita juga boleh berbuat demikian di dalam masa yang singkat. Begitulah juga negara-negara tidak menjadi anggota Komenwel seperti Thailand, Filipina dan Indonesia. Adalah sukar bagi saya sebagai seorang yang sama-sama berjuang bagi mencapai kemerdekaan untuk menelan bahawa kita masih lagi memerlukan keputusan daripada satu mahkamah yang bukan ditaja ataupun dibuat di dalam negara kita.

Berbalik kepada perkara yang pertama tadi, iaitu Perkara 135 (2) yang mana Kerajaan berkuasa bagi menamatkan perkhidmatan mana-mana pegawai Kerajaan. Saya rasa hal ini patutlah disambut bukan sahaja oleh pihak ahli-ahli politik dan rakyat jelata tetapi juga oleh segenap dan seluruh pegawai-pegawai Kerajaan sendiri, yang mana pada masa akan datang mereka bolehlah berbangga bahawa mereka yang masih tinggal di dalam perkhidmatan Kerajaan itu adalah mereka yang bersih dan mereka boleh memberi khidmat yang lebih sempurna dengan tidak ada perkara sepertimana sahabat saya tadi, "disebabkan sebiji epal maka seluruh yang di dalam kotak itu akan menjadi busuk". Saya harap perkara ini akan diterima dengan senang hati oleh segala pihak.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puan Hajjah Salmah.**

5.43 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang-undang meminda Perlembagaan Persekutuan ini, saya tidak hendak bercakap panjang; cuma saya hendak menyentuh beberapa perkara sahaja.

Pertama, apa yang menjadi masalah kepada saya ialah pinda demi pinda Perlembagaan kita ini. Walaupun saya faham, sama seperti saudara saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi, bahawa Perlembagaan ini bukan seperti sebuah Quran. Tetapi apa yang saya rasa rumit kerana kita perhatikan dalam masa sekarang ini sudah beberapa kali pindaan Perlembagaan yang kita adakan; jadi perkara ini menjadi tandatanya juga kepada rakyat seluruhnya.

Perkara yang kedua, dalam masalah Perkara 135 (2) ini, dari segi penamatan pegawai-pegawai dan kemasukkannya, apa yang saya harapkan, janganlah hendaknya diadakan pilih kasih di dalam kemasukkan pegawai-pegawai ini dan penamatannya. Seperti kita dapat tahu entah perkara ini benar atau tidak di mana yang berjalan sekarang, setengah daripada masalah ini timbul apabila kekeluargaan ataupun kerana tekanan politik, kerana berpolitik bukan "pro" kepada politik Kerajaan maka amat berat sekali dan sukar kemasukkan pegawai-pegawai ini. Andaikata kalau terlaksana Akta Perlembagaan (Pindaan) ini maka hendaklah dijalankan dengan seadil-adilnya. Kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kerajaan manusia biasa; Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat manusia biasa; yang bernama manusia di muka bumi ini adalah manusia belaka. Jadi atas nama manusia, seperti kita tahu mereka tidak sunyi daripada melakukan kesalahan. Jadi kesalahan-kesalahan yang kita selidiki itu biarlah bersikap adil, jika sekiranya kita hendak menamat perkhidmatan satu-satu pegawai itu. Inilah yang saya harap, supaya janganlah kerana sesuatu sebab dengan mudah sahaja kita mengambil tindakan. Sebagaimana yang kita dengar hari ini tadi dengan adanya pindaan Perlembagaan ini, tidak ada keluh kesah rakyat, tetapi saya yakin kalau perkara ini berjalan maka menjadi resah gelisah juga kepada rakyat terutama kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Saya tidak nafsi sama dengan saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat lain, di mana pegawai-pegawai Kerajaan ini ialah, seperti saya katakan manusia biasa: ada yang

menjalankan tugasnya dengan betul-betul dan sebaik-baiknya dan ada juga sebahagian yang sebaliknya. Dalam masalah ini kita harap pihak pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, dan pihak yang berkenaan daripada Kerajaan kita yang hendak melakukan penamatan yang sesuai dengan kelulusan Akta Perlembagaan ini, biarlah berlaku dengan adil dan saksama.

Saya ingin menyentuh Perkara 45 mengenai keanggotaan Dewan Negara. Walaupun saya telah dengar pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah dikemukakan, tetapi bagi saya, apa yang terbayang kepada saya ialah dari tempoh perkhidmatan 6 tahun sudah pergi kepada 3 tahun apabila Akta ini diluluskan sebentar nanti—sungguh pendek masanya kalau kita fikirkan. Apa yang boleh dibuat dalam masa 3 tahun ini? Kalau kita kaji, dalam 3 tahun ini dengan keadaan masa yang berjalan itu begitu cepat, tidak sempat apa seorang Ahli Dewan Negara itu hendak berkhidmat dan hendak menunjukkan jasa kepada rakyat di sekitarnya. Hari ini banyak orang berpendapat dengan mengatakan "apalah guna Ahli-ahli Dewan Negara" kadangkala menyayat juga hati kita mendengar suara halus yang berbunyi daripada saudara-saudari kita "Ahli Dewan Negara tidak ada tugas, apa guna Ahli Dewan Negara ini dan apa guna Dewan ini diadakan". Tetapi dalam masalah ini, saya perikatakan bahawa kalau ahli-ahli Dewan Negara juga Ahli-ahli Parlimen mahu buat kerja, ada kerjanya; kalau orang yang tidak mahu buat kerja, tiada kemahuan, tidak mahu tanggungjawab, takut menerima hasil pendapatan bulanan itu sebagai satu pendapatan yang haram hukumnya, maka dia tidak buat kerja. Tetapi janganlah kita pandang sebarangan bahawa Ahli Dewan Negara sebagai "rubber stamp" dan sebagainya; maka dalam masalah ini barangkali kemungkinan tempoh 6 tahun itu hendak dikurangkan kepada 3 tahun kemungkinan juga sebagai pendapat Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi, 3 tahun ini dikurangkan dan lama-lama ditiadakan, itu kita berhati samalah. Jadi dalam masalah ini, kalau kita hendak kata apa-apa pun, Perlembagaan sudah dicatat, maka apa yang kita harap biarlah perkara ini berjalan dengan bertanggungjawab dan seadil-adilnya.

Saya ingin menyentuh mengenai masalah tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen ini, semalam saya sudah bercakap panjang dalam perbincangan Budget, maka saya tidak hendak

ulang lagi hanya sekadar ini sahaja. Di dalam soal perlantikan dua orang dari Wilayah Persekutuan, dalam masalah ini menjadi tandanya saya atas kuasa manakah dan kuasa apakah Wilayah ini boleh melantik dua orang, sedangkan Wilayah bukan sebuah negeri. Jadi inilah masalah yang menjadi tandatanya kepada saya bagaimana dua orang akan dilantik dari Wilayah ini.

Mengenai soal pengurangan keanggotaan ini, apa yang membimbangkan kita—bukan soal kita dan bukanlah soal saya, soal saya tak jadi hairan, kita faham bersama, bermain politik. Menang sebagai seorang ahli politik dia tidak akan berkekalan seumur hidup jawatannya, yang berkekalan sama baik, budi baik itulah dikenang orang. Harimau mati meninggalkan belangnya, manusia mati meninggalkan jasanya. Jadi bukanlah soal saya perkatakan ini soal saya. Walaupun kita tahu masanya dan tugasnya itu di mana tugas-tugas menurut Perlembagaan ini kita tahu boleh dilantik daripada kuasa Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah seramai 32 orang dan juga dari negeri-negeri sekian banyak bilangannya, maka semua ini kita bersyukur.

Apa yang saya mengharapkan dan saya merasai bimbang kalau-kalau satu masa timbul perlantikan ini hanya daripada sebahagian, contohnya yang saya katakan melantik pegawai-pegawai tadi, mana orang yang kita rasa setuju dan boleh menyokong kita, itulah sahaja kita lantik, samada betul atau tidak betulnya, tetapi mana yang tidak merasa setuju, tidak berkenan di hati kita dan tidak sealiran, maka sudahlah, boleh ditamatkan. Maka perkara ini apabila terlaksanalah Perlembagaan ini memang saya tahu pihak Pembangkang dan pihak Pemerintah tentulah tak seimbang suaranya, akhirnya akan lulus juga pindaan Perlembagaan ini. Maka perlantikan kuasa yang ada sesuai dengan pindaan Akta ini biarlah berlaku adil sebab saya rasa takut dan saya suka memperingati di dalam Dewan ini iaitu di dunia ini kita terlepas soal jawab, tetapi kita akan berhadapan besok di mana ketiadaan adil perlantikan wakil-wakil ini. Sekiranya ada orang memperkatakan itu soal lain, tetapi di sini juga rakyat akan gelisah, bila rakyat gelisah, Kerajaan juga tidak senang kedudukannya. Biarlah apa yang kita buat keadilan itu sesuai dengan semboyan Kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan yang adil, biarlah nanti kelak rakyat tidak gelisah dan menerima keadilan yang sewajarnya.

Hanya inilah yang perlu saya memberi ingatan di dalam Dewan ini dan dapat dicatit apa-apa teguran yang membina.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel.

5.53 ptg.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya terus masuk kepada Perkara 45. Dewan Negara asas Undang-undang Malaysia ialah berdasarkan dengan pandangan-pandangan atas recommendation yang telah diberi oleh Suruhanjaya Lord Reid di mana Suruhanjaya itu telah memberi nasihat kepada Kerajaan kita untuk mengadakan dua Dewan Parlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini. Tetapi apa yang ada pada masa sekarang, iaitu kuasa amat berbeza antara kedua-dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara kita. Sungguhpun Dewan Negara menjadi satu Dewan Undangan tertinggi dalam tanahair kita, Dewan ini cuma menjadi sebuah influential institusi kepada cara Demokrasi Berparlimen jika dibandingkan dengan Dewan Rakyat. Tetapi dalam pandangan-pandangan yang diberi oleh Suruhanjaya Lord Reid itu, ada juga recommendation untuk diadakan sebuah Dewan Negara dengan dipilih oleh rakyat terus-menerus seperti Ahli-ahli Dewan Rakyat. Semasa memilih Ahli-ahli Dewan Rakyat, waktu dan hari itu juga, rakyat hendaklah memilih Ahli-ahli Dewan Negara di mana mereka dapat lebih peluang untuk memberi sumbangan kepada negara dan rakyat. Sebab itulah pada mesyuarat yang lalu saya telah mengemukakan satu soalan dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membacanya :

“**Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan sungguhpun Ahli-ahli Dewan Negara dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga oleh Negeri-negeri memegang jawatan tertinggi mengikut secara Demokrasi Berparlimen, iaitu Ahli-ahli Dewan Undangan tertinggi

sekali di dalam tanahair kita tetapi mereka tidak diberi satu kewajipan atau tugas yang tetap selain daripada datangnya untuk menghadiri mesyuarat Dewan Negara dan sebagainya. Oleh sebab kita mencintai sistem Demokrasi Berparlimen dan Dewan Negara menjadi satu simbol untuk institusi Demokarsi Berparlimen di tanahair kita, adakah apa-apa rancangan Kerajaan dipimpin oleh Dato Hussein Onn untuk Ahli-ahli Dewan Negara di mana mereka dapat memberi sumbangan yang lebih kepada rakyat dan negara dari apa yang mereka lakukan sekarang.”

Tetapi jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah, “Saya telahpun cadang untuk dapat atau diberikan kuasa kerja (executive power) kepada Ahli-ahli Parlimen”. Itu bukan maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan dalam soalan saya supaya Kerajaan memberi lebih kuasa kepada Dewan Negara: to make this House a decision-making body rather than to make it an influential forum to debate legislative matters itulah maksud saya—to make the Dewan Negara a really decision-making body.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi satu contoh. Jikalau sepenuh-penuhnya Ahli-ahli Dewan Negara menolak sesuatu Rang Undang-undang daripada Dewan Rakyat, dan ditolak balik kepada Dewan Negara, Rang Undang-undang boleh diluluskan terus sebagai Rang Undang-undang selepas 12 bulan; dan jikalau Dewan Negara dengan sepenuhnya atau sebulat suaranya, mengambil satu keputusan tidak percaya atas Kerajaan—ini misalnya, satu contoh, Kerajaan terus akan mengadakan juga, oleh sebab Dewan ini tidak ada kuasa to make Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita mencintai buat selama-lamanya secara Demokrasi Berparlimen. Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji semalam, kita akan terus mengadakan Dewan Negara, tetapi dalam pandangan saya ini tak kena-mengena jika kita kurangkan tempoh daripada 6 tahun kepada 3 tahun ataupun menambahkan tempoh daripada 6 tahun kepada 10 tahun. Jikalau Dewan Negara ini diberi kuasa seperti Dewan Rakyat, it makes no difference.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Dewan kita ini diberi

kuasa seperti Dewan Rakyat mengikut Perlembagaan 45 (4) (b) yang berbunyi:

“45 (4) (b) Provided that the members to be elected for each State shall be so elected by the direct vote of the electors of that State”.

Di dalam Perlembagaan ini adalah disebut bahawa Ahli-ahli Dewan Negara boleh dipilih seperti Ahli-ahli Dewan Rakyat. Maksudnya mereka akan dapat lebih kuasa dan sumbangan kepada rakyat dan sungguhpun mereka menjadi Ahli Dewan Negara, mereka-pun adalah Wakil Rakyat juga untuk mewakili Dewan Negara daripada kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita telah mencapai kemerdekaan selama 21 tahun, rakyat kebanyakannya tidak faham tentang kedudukan Dewan Negara ini oleh sebab kita mengadakan dua cara memilih Ahli-ahli Dewan Negara. Satu cara dengan pemilihan dan satu lagi dengan perlantikan. Jika Ahli-ahli Dewan Negara ini dipilih oleh rakyat, tidak ada perbezaan, dan mereka boleh dapat kuasa yang lebih untuk memberi sumbangan kepada rakyat dan negara. Saya bercakap ini bukan untuk diri saya tetapi untuk Dewan Negara kita. Saya berharap cadangan saya ditimbang dengan seriusnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara Perkhidmatan Awam (Public Service), Suruhanjaya Lord Reid pun memang ada memberi pandangan-pandangannya, berhubung dengan apa yang dikatakan satu Public Service yang jujur dan cekap. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca perenggan 153, Section 40 dari Laporan “The Federation of Malaya Constitutional Commission”.

“The first essential for ensuring an efficient administration is that the political impartiality of the public service should be recognised and safeguarded. Experience has shown that this is best secured recognising the service as a corporate body owing its allegiance to the Head of State and so retaining its continuous existence irrespective of changes in the political complexion of the government of the day. The public service is necessarily and rightly subject to ministerial direction and control in the determination and execution of government policy, but in order to do their job effectively, public servants must feel free to

tender advice to Ministers, without fear or favour according to their conscience and to their view of the merits of a case.”

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya kita amat bernasib baik, kita memang mempunyai satu Perkhidmatan Awam, lebih daripada 60% darinya menjalankan tugas mereka dengan begitu berdedikasi, jujur dan cekap. Kita mesti menerima ini, jangan kita bawa satu Rang Undang-undang di mana Kerajaan akan bersenjatakan terus dan menakutkan pegawai-pegawai Kerajaan—itu bukan tujuan Kerajaan. Memang kita terdapat sedikit kelemahan, iaitu kira-kira 30%, di dalam Perkhidmatan Awam di mana Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn ingin menghapuskan rasuah. Sebagaimana Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik sebutkan tadi bahawa terdapat pegawai Kerajaan pergi ke jabatan lambat dan pulang cepat, ini memang betul; tetapi ini bukanlah kebanyakannya begitu, ini hanya segolongan kecil sahaja. Di mana-mana masyarakat pun di dunia memang ada “golongan hitam” seperti ini. Jikalau Kerajaan tidak ada senjata atau undang-undang untuk mengatasi masalah ini, tentulah susah.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, pegawai-pegawai Kerajaan pun ada juga menggunakan kuasa mereka untuk mencari kekayaan dan dalam tempoh yang singkat mereka telah menjadi kaya. Kerajaan tidak ada peluang untuk memberhentikan mereka ini, tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini Kerajaan akan mengambil beberapa langkah yang patut. Tetapi di sini saya mengesyorkan kepada Kerajaan, we have got to be very, very cautious in exercising the provisions of this Amendment Bill.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya fikir amat penting juga, ialah Pindaan bagi kepala Bahagian 11 dan Perkara 149 “Kuasa-kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, Kekerasan yang dirancang, dan Perbuatan-perbuatan dan Jenayah-jenayah yang memudaratkan Awam, dan Kuasa-kuasa Darurat.”

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan Negara serta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kepada apa yang berlaku kepada Balai Polis Beranang baru-baru ini. Saya mengesyorkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya memberi tugas

kepada polis yang bertugas di balai-balai outstation, kepada orang-orang yang bukan sangat tua. Saya faham dan dapat tahu bahawa mata-mata yang berkenaan yang bertugas di Balai Polis Beranang itu sudah tua dan, sebagaimana kita maklum, negara kita sedang mengalami masalah keselamatan di mana orang-orang kominis ingin mengancam keselamatan negara kita. Sebab itu patutlah kita mengadakan mata-mata yang muda untuk menjalankan tugas-tugas yang penting. Sekiranya kita ada mata-mata yang sudah berumur lebih itu, bolehlah mereka ini ditukarkan ke mana-mana pejabat bagi menjawat jawatan yang ringan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sepatutnya memberikan senjata kepada mata-mata yang menjalankan tugas di Balai-balai Polis, tetapi sebaliknya Kementerian hanya memberi cotar dan senjata-senjata hanya diberi di dalam raids dan kominis itupun serbu sebab kadang-kadang orang yang menjalankan tugas itu cuma menggunakan cotar semasa menjalankan tugasnya. Diharap kita akan membuka mata sedikit.

Dengan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub.

6.08 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sama dalam perbincangan pindaan Perlembagaan yang sedang kita bahaskan pada petang ini.

Pada pandangan saya, mengenai pindaan kepada Perkara 45 Perlembagaan yang menyentuh kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara, saya rasa masalah ini tidak begitu besar sangat tentang tempoh 6 ataupun 5 tahun bagi seseorang ahli yang akan dilantik nanti, sebab kalau 3 tahunpun selepas tamatnya tempoh akan dilantik semula atau diganti dengan orang lain, ertinya keanggotaan ahli dalam Dewan ini sama berada tidak ada kosong. Cuma masalahnya ialah apa yang dicadangkan dengan pindaan yang menyetuh dan memberi peruntukan untuk mewakili Wilayah Persekutuan.

Saya rasa ini pun juga menimbulkan tandanya oleh kerana kita tahu bahawa Wilayah Persekutuan ialah pecahan daripada kawasan negeri Selangor yang mana tidak boleh disifatkan statusnya sebagai sebuah negeri sebahagian dalam Persekutuan. Tetapi ini tidaklah bererti saya tidak menyokong supaya Dewan Negara ini ada diwakili ahli dari kawasan Wilayah Persekutuan. Dengan pindaan yang akan dikemukakan ini juga boleh, di bawah pindaan yang satu lagi, kita menambah 8 orang lagi Ahli Dewan Negara yang akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

Apa salahnya kalau daripada kalangan 8 orang itu diambil dua orang bagi mewakili Wilayah Persekutuan dengan tidak menyentuh kedudukan status Negeri-negeri yang mana Negeri-negeri pada umumnya, pada keseluruhannya, melantik wakil mereka melalui pindaan dalam Dewan Undangan Negerinya. Manakala yang akan diwakili sebagai wakil Wilayah Persekutuan ini tidak pula dipilih dalam Dewan Negeri sebab memang Wilayah Persekutuan tidak mempunyai Dewan Undangan Negerinya. Jadi untuk menghasilkan maksud pihak Kerajaan supaya mengadakan dua orang wakil dalam Wilayah Persekutuan duduk dalam Dewan Negara ini, boleh dilakukan dalam melaksanakan perlantikan 8 orang yang akan ditambah baru nanti di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi dengan pindaan seperti ini tidaklah menggambarkan kepada masyarakat kita, kepada umum, bahawa Kerajaan Malaysia sekarang ini begitu mudah sekali meminda-minda Perlembagaan, seolah-olah Perlembagaan ini sama tarafnya dengan sebuah undang-undang biasa yang mana kalau hendak dicocokkan dengan kehendak Kerajaan walaupun alasannya hanya sedikit, pihak Kerajaan terus mengubah Perlembagaan.

Masalah yang kedua, ialah Perkara 135 (2). Saya rasa ini satu perkara yang penting dan memang dalam Perlembagaan kita pun, pada mula digubal Perlembagaan ini, di bawah Perkara 135 (2) yang hendak dipinda ini, ada menyebutkan peruntukan:

“Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut di atas itu boleh dibuang kerja dan diturunkan pangkat dengan tidak diberi peluang yang menasabah untuk didengar.”

Peluang ini adalah satu-satunya hak yang diuntukkan oleh Perlembagaan kita kepada pegawai-pegawai, anggota perkhidmatan awam kita, yang mana anggota perkhidmatan awam kita itu bukan sahaja bagi sebuah pejabat, tetapi menyeluruh ke semua aktiviti Kerajaan baik dalam bidang ketenteraan, dalam bidang keselamatan dalam negeri, pejabat-pejabat Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan sebagainya, meliputi seluruh kegiatan Kerajaan, yang memerlukan kepada keadaan yang dedikasi daripada semua pegawai-pegawai kita berkhidmat untuk rakyat dan negara ini. Saya rasa kalau Kerajaan sudah memandang hendak dihapuskan suatu hak untuk mereka itu, pegawai-pegawai yang telah berkhidmat sama ada hampir pencen ataupun belum sampai kepada peringkat pencen dan telah memberi jasa mereka kepada negara ini, tiba-tiba kerana sesuatu sebab yang tertentu—mungkin ada sebab-sebab yang tertentu sebagaimana ada disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari kalangan penyokong Kerajaan sendiri pun, memang tidak menafikan bahawa di kalangan anggota politik yang mendukung Kerajaan hari ini, mempunyai kesilapan-kesilapan dalam membuat dan melakukan sesuatu tindakan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan. Mungkin kerana sentimen dan kepentingan politik mereka sendiri, mereka mengesyorkan supaya pegawai yang bersabit ini yang misal kata seorang pegawai yang berkhidmat untuk rakyat, tak kira parti apa, dia akan memberi layanan yang sama dan sewajarnya sesuai dengan kehendak Kerajaan, tetapi tidak sesuai dengan penyokong parti di kawasan pegawai itu berkhidmat, mungkin disyorkan oleh parti yang mahukan kepentingan parti dengan mengenyepikan kepentingan rakyat dan masyarakat umum, disyorkan supaya diberhentikan pegawai itu.

Jadi, kalau ada keadaan seperti ini berlaku, maka kemanakah pegawai yang teraniaya seperti ini hendak merayu? Dengan sebab itu saya rasa, kalau Kerajaan meminda Perlembagaan ini dengan menghilangkan hak seseorang pegawai itu untuk merayu dan di dengar kesnya, saya rasa ada baiknya Kerajaan bagi menggantikan masalah ini menubuhkan sebuah jemaah rayuan dalam undang-undang yang akan dicipta nanti, khusus bagi mengganti penghapusan fasal ini, dengan tujuan supaya pegawai kita ada mempunyai keyakinan, mereka tidak akan dianiaya.

Kalau berlaku sedemikian seperti apa yang saya bayangkan tadi maka mereka ada hak untuk boleh merayu kepada jemaah rayuan yang juga dianggotai oleh pihak Kerajaan, supaya perasaan sentimen kepartian yang melampau oleh sebahagian pendukung parti Kerajaan, seperti saya katakan tadi, dapat diadili atas tuduhan ini apabila dirayu oleh pihak pegawai yang teraniaya tadi.

Inilah sahaja yang saya rasa perlu diadakan, dan saya percaya sebahagian besar pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam kita memang berasa tidak terjamin kedudukan mereka dengan pindaan Perlembagaan ini kecuali diadakan jemaah rayuan tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyentuh panjang cuma dalam pindaan yang mengemukakan supaya dilantik Naib Pengerusi untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya rasa masalah ini juga ada kaitannya dengan cara pengambilan kenaikan pangkat, perkhidmatan pelajaran dan juga pertukaran mereka walaupun pertukaran ini dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, tidak oleh Suruhanjaya ini tetapi ada kaitan dengan pengambilan pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran ini, saya rasa ada banyak di antara pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran kita yang sudah tamat latihan dan sebagainya yang di Malaysia ini yang ditempatkan perkhidmatannya di Sabah dan Sarawak umpamanya dan mereka ini perlu dikaji oleh pihak Kerajaan bagi mereka ini dapat ditempatkan di tempat yang sesuai. Saya maksudkan masalah ini oleh kerana keadaan cara menyampaikan pelajaran di negeri Sabah dan Sarawak mungkin tidak sama dengan di Semenanjung Malaysia kita kerana keadaan dialog percakapan masing-masing itu tidak sama.

Selain daripada itu menyentuh dalam masalah pindaan yang akhir sekali, masalah pencen. Saya rasa untuk membatalkan perjanjian dengan Kerajaan Great Britain, perkara ini pada pandangan saya agak terlambat. Jadi dengan sebab itu, saya suka hendak menyentuh satu pindaan lagi yang berkait dengan pindaan darurat. Masalah ini juga saya rasa bukan sahaja yang mengancam keadaan huru-hara dalam negeri dari segi kekerasan bersenjata tetapi perlu Kerajaan mengkaji bagaimana cara supaya pengaruh fahaman yang salah seperti kita katakan pengaruh penyelewengan dari segi akidah yang berlaku dikalangan anggota-anggota

Freemason yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat telahpun mengatakan bahawa penganut Freemason ini rosak dari segi akidah, ringkas katanya murtad dari segi pandangan Islam, maka apa pandangan pihak Kerajaan dalam masalah bila seorang Islam sudah murtad bagaimana hukuman yang perlu kita lakukan dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya saya sukalah menarik pandangan pihak Kerajaan tentang apa yang telah disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tentang pindaan Perlembagaan ini pada umumnya. Saya tertarik kepada satu keputusan seminar yang berlaku di Kedah tentang perundangan Islam yang mana saya mendapat dua gambaran, iaitu keputusan seminar ini menghendaki supaya Perlembagaan Malaysia ini dipinda bagi membolehkan Undang-undang Islam yang diputuskan dalam Seminar itu dapat berjalan dan dapat dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Pandangan ini telah disokong oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang sendiri iaitu tanpa pindaan Perlembagaan pelaksanaan keputusan seminar ini tak dapat dilaksanakan. Tetapi selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjawab ataupun menyatakan dalam kenyataan yang saya dapat ikuti dalam akhbar bahawa Kerajaan tidak bercadang hendak membuat pindaan Perlembagaan untuk tujuan itu.

Menyentuh dalam soal pindaan perlembagaan, saya berharap supaya pihak Kerajaan jangan memandang kecil dalam soal melaksanakan undang-undang Islam, tak usah kata hendak melaksanakan undang-undang Islam kepada masyarakat umum yang tersentuh bukan yang beragama Islam, tetapi khusus untuk orang Islam sahaja pun negara kita sekarang ini tidak mengizinkan perlaksanaannya sebagaimana yang dikehendaki oleh ugama Islam sendiri kalau pindaan perlembagaan ini tidak dilaksanakan. Dengan sebab itu, saya minta jaminan daripada pihak Kerajaan bila Perlembagaan ini akan diubah bagi membolehkan pelaksanaan undang-undang Islam dalam negara ini, baik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mahupun oleh Kerajaan Pusat sendiri, khusus bagi umat Islam sendiri, supaya sesuai dengan apa yang kita laung-laungkan hari ini bahawa Islam menjamin keselamatan ummah, tanpa pelaksanaan undang-undang Islam ini maka

bererti tidak terjaminlah keselamatan ummah kita. Jadi untuk menjamin keselamatan ummah, saya berharap supaya Kerajaan bersedia meminda Perlembagaan bagi membolehkan pelaksanaan undang-undang Islam sewajarnya di Malaysia ini.

6.29 ptg.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan 1978 yang dikemukakan oleh Perdana Menteri kita.

Sebelum saya menyentuh sedikit sebanyak dalam perkara ini, saya suka menegaskan apa yang telah dikatakan oleh sahabat saya yang baru bercakap tadi yang mengingatkan supaya Kerajaan bertindak jangan berlaku tidak adil. Saya hendak menjawab bahawa Kerajaan kita bertindak dengan adil mengikut Perlembagaan yang kita bawa pindaan ini. Salah satu contoh, walaupun Ahli Yang Berhormat itu tadi bukan daripada Barisan Nasional, tetapi ia tetap ada di sini dan tidak ditolak oleh Kerajaan kita. Itu menunjukkan Kerajaan kita mempunyai pandangan yang jauh dalam perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan undang-undang di mana-mana negeri pun dalam dunia ini ada menitikberatkan dua perkara yang paling besar sekali. Dalam Dewan ini sungguhpun Menteri-menteri kita tak ramai, Ahli-ahli sepatutnya ramai datang hadir hari ini, sebab ini adalah satu detik sejarah bagi menyelamatkan negara yang akan kita laksanakan kelak.

Ini saya suka sebutkan bahawa dalam dunia ini ada dua perkara pindaan undang-undang yang paling penting. Pertama, ialah mengenai keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara kita. Sekarang ianya bersabit dengan undang-undang ini. Kedua, ialah mengenai dengan pembangunan dan kehidupan rakyat yang sempurna, sebab kalau negeri tidak mantap keamanannya, rakyat tidak makan, tentulah negara kita tidak akan selamat dan maju, jadi kedua-dua perkara dalam pindaan ini saya pandang adalah satu perkara yang amat penting dan boleh kita puji Ketua Negara kita yang membuat pindaan yang sangat bermakna ini.

Salah satu daripadanya, ialah dalam pindaan kepada Perkara 149—menentang perbuatan subversive, mencegah jenayah, kongsi gelap, gejala-gejala yang amat berbahaya, penyakit yang kita pandang parasite kepada

negara kita ini. Maka dengan sebab itu dibuatnya pindaan supaya mengemas dan dapat mengatasi gejala-gejala berbahaya kepada keamanan dan ketenteraman negara kita ini seperti yang dilakukan oleh Ketua Negara dalam pindaan ini. Ini adalah amat penting dan saya menyokong pindaan ini dengan sepenuh-penuhnya.

Saya suka menyeru terutamanya kepada orang-orang yang menjalankan kehakiman—Ketua Hakim Negara, pindaan yang ada di hadapan kita ini supaya jangan ragu-ragu . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nama Ketua Hakim Negara itu tidak boleh disebutkan di Dewan ini.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Saya minta maaf. Sebenarnya Peguam Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maksud Yang Berhormat bukan Ketua Hakim?

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Bukan. Dan sekiranya ada, jangan ragu-ragu apabila kepastian undang-undang kita ini disahkan pada hari ini, esok juga dijalankan. Siapa penagih dadah yang dapat ditangkap, jangan lagi dimaafkan. Jangan lagi ditangguh-tangguhkan, siapa mengkhianati negara yang kita tahu membuat subversive communist yang terang-terang kita tahu, jangan tunggu lagi, jalankanlah hukuman yang setimbal sebagaimana pindaan Undang-undang ini bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman negara kita ini. Saya bercakap di dalam Majlis yang mulia ini, saya pandang pada masa yang telah lalu, kita terlalu sangat demokrasi, kita terlalu sangat timbang-menimbang apabila ditangkap seorang penjenayah, tunggu dahulu, timbang lagi, kadang-kadang dilepaskan pula. Ini yang sebenar demokrasi membunuh - menikam diri kita sendiri balik. Sebab itu saya mengingatkan supaya Undang-undang yang telah kita maktubkan, yang saya pandang maha hebat ini, mestilah dijalankan betul-betul.

Yang kedua, saya suka mengikuti pindaan Perkara 136(2) iaitu mengenai jentera pembangunan negara. Ini termasuklah pekerja-pekerja, pegawai-pegawai Kerajaan seramai 500,000 orang. Apabila disebutkan di sini saudara-saudara seluruhnya pegawai Kerajaan 500,000 orang pegawai dalam Malaysia, janganlah disalah faham dan saya percaya mereka tidak salah faham, sebab mereka adalah orang-orang yang berpengetahuan

tinggi, bukanlah bermakna saya menyentuh peribadi tiap-tiap seorang pegawai Kerajaan, bukan bermakna menyentuh kebaikan didikasi seseorang itu tetapi kita mahu menyentuh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab bagi menjalankan jentera Kerajaan kita, sedangkan pembangunan negara boleh dikatakan bertumpu banyak salah satu daripadanya ialah kerjasama daripada pegawai Kerajaan. Sebab itu Undang-undang ini, saya lihat serta saya teliti amatlah sejajar dengan tujuan kita, Kerajaan yang bersih, Kerajaan yang didikasi, Kerajaan yang menuju kepada kemakmuran pada keseluruhannya.

Dan di antara 500,000 orang anggota-anggota Kerajaan kita tentulah ada di antaranya yang menyeleweng, ada setengahnya kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mereka bekerja makan gaji, sebelah kakinya berniaga. Saya bercakap ini terus terang dan tidak membuat penghinaan kepada siapa-siapa tetapi saya memperkatakan yang benar adalah hak kita, bahkan percakapan kita ini diakui oleh Allah, kata-lah jika sekiranya benar walaupun pahit, tetapi sungguhpun pahit, itu adalah menjadi pil keselamatan manusia. Jadi, saudara-saudara pegawai Kerajaan yang menyeleweng inilah yang kita jadikan Akta ini yang dipinda supaya dapat diubati. Dalam pada itu, kita pun dapat berfikir, Kerajaan kita memandang jauh—tidak membuang mereka. Kalau yang seharusnya dibuang terus, apa lagi hendak diingat untuk dibayar pencen, dibayar lagi saguhati, itu sudah menunjukkan yang Kerajaan kita cukup bertimbang rasa.

Ada di antara sahabat-sahabat saya Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju dengan ini, katanya tidak bertimbang rasa—mana boleh, dalam Akta ini mereka tidak dibuang tetapi diberi persaraan dan diberi pula lagi saguhati. Inilah dikatakan kita tidak bertimbang rasa? Saya memperkatakan yang benar. Kalau Kerajaan berkata ini yang putih, saya tidak mahu kata hitam, tetapi kalau hitam, saya tetap mengatakan hitam, itu pendirian saya. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah harus rasa bimbang, begitu juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan, tidak harus ada rasa was-was sama sekali. Kerajaan kita cukup tegas. Hanya kepada yang menyeleweng, bukan kepada yang berdidikasi, bukan kepada yang bertanggungjawab untuk negara, bertanggungjawab bukan sahaja terhadap Kerajaan dan orang ramai tetapi terhadap Tuhan, sebab dalam ugama dalam dunia ini

apa pun Tuhan itu tahu dan maha berkuasa, Tuhan melihat, bukan diluar kulit, dalam mulut kita hinggakan ke roh kita ini Tuhan tahu apa yang kita buat, sebab itu penyelewengan mesti di atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya berkenaan dengan satu daripada kaedah bagi membangun sesebuah negara yang kelicinan jentera Kerajaan dan salah satu kelicinan jentera Kerajaan menyentuh pegawai-pegawai yang menyeleweng maka Kerajaan telah membuat satu Akta bagi keselamatan rakyat dan keselamatan diri pegawai Kerajaan yang menyeleweng itu sendiri, sebab mereka tidak boleh lari daripada keadilan. Percayalah kalau saudara-saudara yang berpengetahuan tinggi dalam pelajaran bukan sahaja apabila kita manusia ini berpelajaran yang keluar daripada universiti, dia seorang doktor, seorang lawyer, seorang maha guru, mereka sahaja berpelajaran tinggi—tidak tetapi keseluruhan manusia ini ada kelebihan, kalau dia tidak menjadi doktor, ada kelebihan. Maaf saya mengatakan dalam Majlis ini, kalau seorang professor kita suruh dia membaiki basikal rusak, dia tidak boleh buat, menjadi tukang gunting, dia juga tidak boleh. Itu maknanya dia pun ada kelemahan. Seorang professor ataupun seorang lawyer tahu dalam bidang tugasnya tetapi di dalam bidang agriculture, dia tidak boleh. Sebab itu manusia ini sama juga maknanya. Jadi, saya hendak mengingatkan balik masalah yang kedua tadi, iaitu bagi menguatkan jentera pembangunan negara yang paling penting dan ini satu penyakit parasite yang mesti kita hapuskan.

Saya hendak menyeru kepada semua pegawai-pegawai yang berkenaan dan Menteri-menteri yang terlibat bukan sahaja kepada pegawai Kerajaan tetapi juga kepada keseluruhan kita iaitu dari peringkat atas hinggalah ke peringkat bawah, semua mesti berdedikasi seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dia sendiri telah menunjukkan dedikasi yang sungguh-sungguh yang membasmi semua penyelewengan walau dirinya, walau keluarganya dan walau siapa-siapa sahaja. Dia bercakap dan dia telah memberi contoh. Sebab itu kepada kita semua termasuk Menteri, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang terus menerus mengikut apa yang dikatakan bahawa jentera mestilah berjalan lancar menuju kematlamat kemakmuran dengan penuh keadilan dan penuh dedikasi serta bersih dan jujur.

Saya hendak mengingatkan lagi sekali sebagai satu seruan orang bijaksana, lalang kalau tumbuh dalam kebun kita sendiri, lalang kalau tumbuh di dalam ladang getah kita, atau lalang kalau tumbuh dalam sawah padi kita, cabut lalang itu; cabut akar umbinya sekali untuk dibuang baharulah selamat. Sebab itu parasite-parasite jentera kita ini kepada siapa juga yang tidak betul, cabut dan buanglah selamatlah kebun kita, selamatlah kebun ubi kita, selamatlah kebun kelapa kita, selamatlah sawah padi kita dan Kerajaan pun begitu juga, segala penyelesaian ini dapat di atasi sebagaimana tercatat dalam Akta ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Perkara 45 berkenaan dengan Dewan Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sebutkan untuk menambah lagi 8 orang Senators, dua orang untuk Wilayah, Wilayah sebenarnya lebih ramai penduduknya dengan negeri Perlis, banyak sebab sudah difikirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas sebab musabahnya bukan soal negeri ataupun jajahan, nasihatnya ialah dalam perhitungan yang tertentu.

Jadi saya menyokong 2 orang ahli dilantik dari Wilayah dan 8 orang lagi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, diambil daripada orang yang dipilih, yang telah diperhitungkan oleh Jumaah Menteri khasnya Perdana Menteri kita.

Selain daripada itu saya juga menyokong mengenai tempoh lantikan selama 3 tahun. Kalau kita tengok negeri Jepun, tempoh Dewan Rakyatnya pun selama 3 tahun. Ini bukanlah satu perkara besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahu, Parlimen kita bukannya sampai 5 tahun, kadang-kadang 4 tahun sahaja—4 tahun pun ada yang tidak cukup. Jadi tidak ada masalah kalau ditetapkan tempoh 3 tahun. Yang penting ialah bagi kebaikan negara kita.

Ada satu perkara lagi yang saya hendak sebut di sini iaitu maruah Dewan yang paling mulia ini. Jika kita pandang menurut protokol negara Malaysia kita ini, Dewan Negara adalah yang paling tinggi kedudukannya. Sebab itu selepas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, ketua kita—Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang dihormati dan selepas itu barulah Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Dan begitu juga taraf Parlimen kita (Dewan Rakyat) dengan Dewan Negara kita yang sebenarnya Dewan

Negara ini yang tertinggi. Walaupun ada orang mengatakan kita ini rendah, biarlah mereka bercakap, itu tidak menjadi masalah. Dari segi protokol, Dewan Negara lebih tinggi dari Dewan Rakyat. Kita passkan undang-undang ini walaupun orang mengatakan tidak ada Rang Undang-undang. Sahabat saya Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel kata kita passkan walaupun macam mana di Parlimen, mesti pass kepada kita, sebab kita juga yang passkan. Soal tidak hendak pass, itu soal lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** "Pass" itu ertinya luluskan?

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Ya, lulus. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua pun tidak faham cakap saya—maaf. Jadi kita sama-sama manusia begitulah, semuanya ada kekurangan belaka.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang saya fikirkan iaitu kehormatan Dewan Negara kita ini. Saya selalu berfikir walau apa juga yang dikatakan samada elau, gaji atau pemberian, maknanya sama. Itu adalah sara hidup, tidak boleh lari. Kalau kita katakan elau tidak mengapa, katakan gaji pun tidak mengapa, katakan satu cara biasa tidak mengapa, semuanya bertujuan untuk sara hidup—pendapatan. Alangkah sedih jikalau pendapatan seorang Ahli Dewan yang tertinggi yang sama tarafnya dengan House of Lords di England; saya tidak mengatakan seperti Senator di Amerika, di Amerika Senator boleh jadi Presiden, dan lain sedikit coraknya, sebuah negara yang paling kaya dalam dunia. Tetapi gaji seorang Division III \$1,000 ataupun seorang guru biasa, kerani biasa \$1,000—sama juga tarafnya dengan elau seorang Ahli Dewan Negara. Kadang-kadang saya sendiri pun malu, Tuan Yang di-Pertua, kumpullah dalam satu kumpulan yang ramai, mereka bertanya, berapa gaji Senator itu. Ada kawan mengatakan \$1,000; merekapun gelak. Maknanya serupa dengan gaji Division III. Berapa gaji Presiden Dewan Negara? \$2,000 serupa dengan gaji Division II, misalannya. Di manakah kemantapan sebuah negara yang merdeka dan yang ada maruah? Di manakah pertimbangan kepada orang yang diharap sebagaimana kata sahabat kita tadi daripada 12 million penduduk negeri ini diambil 60-80 orang jadi Senators tetapi gajinya sama dengan standard seorang kerani. Ini saya tidak hendak mengkritik tetapi saya menyatakan pendapat yang hak; hak kulyatin, kepercayaan kepada yang hak.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Tuan Yang di-Pertua sebagai Presiden kami, tolonglah merayu kepada Perdana Menteri, beritahu, malu kita (*Ketawa*). Lebih-lebih lagi saya terkejut apabila kita bertanya di sebuah negeri yang kecil, jauh lebih kecil daripada kita, berapa pendapatan seorang Ahli Parlimen atau Perdana Menteri dan Menteri-menterinya. Saya tidak hendak sebut apa negeri itu, lagi malu kita, sebab jauh benar perbezaannya. Sebab itu saya merayu kepada Dewan ini mudah-mudahan kenderangannya kepada pemimpin-pemimpin kita keseluruhan Menteri dan Kabinet kita supaya menimbang-nagain semula hal ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga sedih apabila saya pergi ke Pejabat Parlimen, saya tengok kakitangan-kakitangan Parlimen sudah tidak ada selepas pukul 4.15 petang. Dahulu ada, tetapi sekarang tidak ada. Saya bertanya mengapa, ada yang menyebutkan bagaimana mereka hendak bekerja, setengah-setengah peon bergaji \$100 sahaja, menunggu sampai jauh malam—mana tahan, dengan gaji \$100 apa hendak makan, rumah lagi, duduk menung di kantin, minum air sejuk sahaja. Saya menyokong supaya ditimbang semula elaun mereka. Elaun ini dahulu telah diberi, sudah bertahun-tahun, Tuan Yang di-Pertua lebih maklum. Sekarang mengapa dipotong? Kita bukan mundur, kita semakin maju. Kita hendak menolong kehidupan rakyat, hendak menolong hak istimewa bangsa kita, yang keseluruhannya adalah Bumiputra. Maaf saya bercakap sedikit kepada yang bukan Bumiputra, ini adalah tercantum, termeteri di dalam Perlembagaan kita. Jadi kalau ada sedikit orang yang sudah dapat, biarlah mereka dapat semula elaun hidup untuk balik ke rumah jauh malam, bawakan anak sedikit kueh. Saya harap diberilah balik elaun ini, saya merayu kepada Kabinet, Yang Berhormat Menteri Undang-undang juga tolonglah. Lagipun Dewan kita, saya rasa kurang statusnya, sebab tidak ada kakitangan di sana. Kita hendak menjalankan urusan, hendak minta sesuatu seperti kata Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak tadi, saya menyokong penuh iaitu atas peri kemanusiaan. Berilah balik elaun mereka sebab mereka sudah biasa dapat, kalau mereka tidak biasa dapat dahulu—tidak mengapa. Umpamanya kita sudah biasa dapat elaun \$1,000; dipotong pula lagi \$200—tinggal \$800; kita pun terasa juga. Kalau elaun Tuan Yang di-Pertua dipotong \$1,000—tinggal \$1,000; begitu juga (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap banyak, sebab saya hendak mematuhi janji semalam iaitu 10 minit sahaja, jauh saya hendak tamatkan. Saya hendak menggulung balik keseluruhan pindaan Rang Undang-undang ini adalah satu langkah yang bijak, satu pendapat yang benar-benar matang demi kemantapan, ketenteraman dan keulungan serta keamanan negara kita dan demi pertumbuhan yang kita cakapkan, iaitu negara kita dalam Rancangan Malaysia Ketiga mesti maju, mesti membangun. Kalau kita tidak jaga jentera-jentera pembangunan kita, maknanya kita hanya cakap berdegardegar, tidak tahu apa akibat yang dihubung.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

6.50 ptg.

**Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sepatah dua berkenaan dengan pindaan Perlembagaan ini.

Mengenai Fasal 2 (1) (c) berkenaan dengan pindaan kepada Perkara 45 Perlembagaan, kami Senator-senator berada di dalam keadaan serba salah. (*Dengan izin*) "Man-kind", Emerson once said, "is divided between the party of conservatism and the party of innovation, between the past and the future, between memory and hope and this distinction express a contrast in human temperament and purpose." Therefore, Sir, it is no wonder some resent this change from six years to three years, many other welcome it and the latter believe in the politics of hope.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan kepada Perkara 135 (2) Perlembagaan, setelah mendengar keterangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi and whose motive power comes from religion and inner conscience (ugama dan niat hati), saya rasa untuk faedah negara kita, marilah kita bersama-sama menyokong pindaan ini. Ada satu pepatah yang berbunyi: "Even the lion has to defend himself against flies." (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditempooh selama 30 minit.

*Persidangan ditempoohkan pada pukul 6.53 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.25 malam.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

*7.26 mlm.*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dan memberikan beberapa pandangan, syor dan teguran mereka di atas perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya sukalah menyatakan bahawa segala apa yang telah dikemukakan akan diambil perhatian dan akan dikaji, insya Allah mana-mana yang difikirkan menasabah akan diberi pertimbangan sewajarnya. Saya tidaklah berhajat hendak menjawab satu persatu-nya tetapi akan menyentuh perkara-perkara yang penting dan besar yang perlu diberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal mengenai perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara. Mereka berpendapat bahawa Ahli-ahli hendaklah dilantik dari golongan kepakaran profesional, iktisad yang tertentu serta juga bagi mewakili badan-badan sukarela dan Kesatuan-kesatuan Bekas Anggota Polis, pekebun-pekebun kecil, nelayan dan peladang.

Dalam perkara ini, saya sukalah menerangkan bahawa Ahli-ahli yang akan dilantik adalah terdiri daripada mereka yang telah berjasa dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

Berkenaan mewakili sesuatu badan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian kepada peruntukan Perlembagaan berkenaan dengan perwakilan. Bukanlah tujuan dan maksud Perlembagaan berkenaan dengan keanggotaan Dewan Negara iaitu ahli-ahli yang telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mewakili apa-apa badan. Ini memang sengaja diperbuat bila masa Perlembagaan kita dibuatkan. Apa yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan iaitu Perkara 45 (2) terang tujuan dan maksudnya dan benarkan saya membacanya, iaitu:

“Perkara 45 (2): Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah orang-orang yang pada pendapatnya telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat . . . . .”

Kalau adapun mewakili apa-apa badan ialah yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang Asli. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini bukanlah mewakili satu-satu badan melainkan yang tersebut di dalam peruntukan ini, yang mewakili kaum-kaum kecil bilangannya atau mewakili kepentingan orang-orang Asli. Ini bukanlah tujuan Perkara 45 (2) ini bagi seseorang Ahli Senate ini mewakili badan-badan tersebut iaitu badan sukarela atau kesatuan bekas anggota Polis dan sebagainya.

Di atas soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah mengenai pengurangan tempoh masa perkhidmatan Ahli Dewan Negara dari enam tahun kepada tiga tahun, saya sukalah menerangkan bahawa pada pendapat Kerajaan adalah wajar supaya pindaan ini dibuat bagi memberi peluang kepada lebih ramai lagi orang-orang yang boleh memberi sumbangan fikiran dalam proses membentuk dasar-dasar Kerajaan dan undang-undang. Bukanlah tujuan Kerajaan hendak menghapuskan Dewan Negara yang mulia ini.

Menyentuh perlantikan dua orang Ahli Dewan Negara bagi mewakili Wilayah Persekutuan, saya sukalah memaklumkan bahawa pada masa ini Wilayah Persekutuan belum lagi diwakili dalam Dewan yang mulia ini. Sebagaimana yang saya terangkan tadi, bagi membetulkan kekurangan ini maka Kerajaan telah mengemukakan pindaan pada Perkara 45, Perlembagaan. Wakil-wakil dari Kerajaan Negeri adalah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing tetapi oleh kerana Wilayah Persekutuan tidak mempunyai Dewan Undangan, maka kuasa melantik dua orang wakil bagi Wilayah Persekutuan ini diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli Yang Berhormat itu bertanya dari mana datang kuasa itu boleh mengangkat mewakili Senate atau memilih Ahli-ahli

Dewan Negara mewakili Wilayah Persekutuan? Inilah yang hendak dibuat dalam pindaan ini untuk memberi kuasa supaya boleh dilantik dua orang mewakili Wilayah Persekutuan. Benarkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat Fasal (2) Rang Undang-undang ini yang menyebutkan:

“2. (1) Perkara 45 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1) (a) yang berikut—

“(aa) dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan”;

Inilah maksud dan tujuan kita meminda peruntukan ini supaya memberi kuasa melantik dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan.

Tambahan pula, Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengetahui iaitu sungguhpun Wilayah Persekutuan tidaklah boleh dibandingkan dengan sepenuhnya sebagai sebuah negeri di mana ada Dewan Undangan Negerinya, Menteri Besarnya, Exconya dan lain-lain, tetapi bila kita memikirkan keadaan di Wilayah Persekutuan ini maka kita tentu memahaminya iaitu sungguhpun Wilayah Persekutuan ini kecil luasnya, kecil batu perseginya, tetapi penduduknya ramai, masalah-masalahnya banyak, misalnya masalah perumahan, masalah sosio-ekonomi dan lain-lain sama banyak, sulit dan rumit dengan negeri-negeri yang lain. Maka sebab itulah difikirkan wajar bagi Wilayah Persekutuan ini untuk mengadakan dua orang mewakili Wilayah itu di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam mengingatkan supaya kuasa menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai hendaklah digunakan dengan cermat supaya tidak terjadi penganiayaan. Beliau juga menyebutkan bahawa pegawai-pegawai yang ditamatkan perkhidmatan mereka hendaklah dibayar pencen penuh mengikut tempoh perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang ini tadi, saya telah memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan menggunakan kuasa ini dengan sewenang-wenangnya. Saya sukalah menegaskan sekali lagi di Dewan yang

mulia ini bahawa kuasa ini akan digunakan dengan penuh tanggungjawab dan semua kes-kes yang diambil tindakan di bawah peruntukan ini akan diteliti dengan cermat, adil dan saksama supaya tidak berlaku sebarang penganiayaan. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya pegawai-pegawai yang ditamatkan perkhidmatan mereka hendaklah dibayar pencen penuh mengikut tempoh perkhidmatan mereka, saya sukalah menerangkan bahawa dari segi Ordinan Pencen, 1951, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jika Baginda memikirkan patut, boleh membenarkan pembayaran pencen, saguhati dan lain-lain elaun yang difikirkan adil dan sesuai dalam kes-kes seperti ini, tetapi jumlah bayaran itu tidaklah boleh melebihi jumlah yang dibayar kepada pegawai-pegawai yang dibesarkan atas sebab-sebab kesihatan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad membangkitkan mengenai tempoh persidangan Dewan Negara yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah terlalu pendek jika dibandingkan dengan tempoh Persidangan Dewan Rakyat. Tempoh persidangan Dewan Negara ditetapkan berdasarkan kepada jumlah Ahli yang ada. Jumlah Ahli Dewan Rakyat ialah 154 orang, sedangkan Ahli Dewan Negara hanya 58 orang. Oleh kerana jumlah Ahli Dewan Rakyat ialah lebih ramai daripada jumlah Ahli Dewan Negara, maka adalah wajar supaya tempoh persidangan Dewan Rakyat diadakan lebih panjang dari tempoh masa persidangan Dewan Negara, dengan tujuan hendak memberi peluang kepada wakil-wakil rakyat itu mengambil bahagian dalam perbincangan di atas perkara-perkara yang dibentangkan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad juga ingin tahu jumlah pesara dagang British yang terlibat dalam pengambilan-alih pembayaran pencen oleh Kerajaan British dan juga ingin tahu samada pengambilan-alih pembayaran pencen kepada pesara-pesara dagang oleh Kerajaan British patut dipanjangkan kepada pesara-pesara yang bermastautin di lain-lain negeri, seperti India, Pakistan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan ini, jumlah pesara-pesara dagang British yang terlibat ialah 2,880 orang. Hak pencen bagi pegawai-pegawai yang bersara daripada Perkhidmatan Awam Malaysia adalah dijamin di bawah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan tidak berhajat hendak memberhentikan pembayaran pencen kepada pesara-pesara yang pulang ke negeri masing-masing atau memaksa Kerajaan-kerajaan negeri berkenaan untuk mengambil-alih pembayarannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju bagi Kerajaan British mengambil-alih pembayaran pencen kepada pesara-pesara warganegara British atas pengertian bahawa mereka akan terus dibayar pencen di atas perkhidmatan yang telah mereka beri di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang saya hendak sentuh berbangkit daripada perbahasan Rang Undang-undang ini, dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Berhormat yang menyokong dan memberi pandangan serta teguran kepada Rang Undang-undang ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan bagi maksud ini, Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal (3) dalam Perkara 159 Perlembagaan.

*Loceng dibunyikan.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedar apabila Dewan menimbangkan satu Rang Undang-undang hendak meminda Perlembagaan, hendaklah dipungut undi bagi bacaan kali yang kedua dan kali yang ketiga dilakukan dengan cara belah-bahagian. Oleh sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru yang telah dilantik, ingin saya terangkan lebih kurang caranya.

Di Dewan kita ada dua petak. Saya telah peruntukan kepada tiap-tiap petak seorang penghitung undi. Apabila penghitung undi itu seru nama bagaimana Yang Berhormat hendak mengundi, Ahli-ahli Yang Berhormat ada 3 pilihan: satu pilihan Bersetuju; satu pilihan Tidak Bersetuju; dan satu lagi pilihan Tidak Mengundi. Apabila penghitung undi seru nama Yang Berhormat itu bagaimana hendak mengundi, saya harap Ahli Yang Berhormat bangun dan berilah undi; Bersetuju; Tidak Bersetuju; atau Tidak Mengundi, kemudian duduk. Itulah caranya.

Sekarang saya hendak pungut undi dengan secara belah-bahagian dan saya jemput penghitung undi mengambil tempat masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya umumkan keputusan belah-bahagian.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan Berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 48 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

#### YANG BERSETUJU

1. Datuk Haji Mohamed bin Nasir
2. Pengiran Othman bin Pengiran Rauf
3. Tuan Law Hieng Ding
4. Tan Sri S. O. K. Ubaidulla
5. Tok Pangku Pandak Hamid bin Putih Jali
6. Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob
7. Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah
8. Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai
9. Datuk Dr Wee Khoon Hock
10. Datuk Mohd. Tahir bin Majid
11. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Hussain
12. Datuk V. Ponnusamy Pillai
13. Tuan Kam Woon Wah
14. Tuan T. S. Gabriel
15. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah
16. Datuk Haji Abu Bakar Titingan Damsani
17. Tuan M. Mahalingam
18. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar
19. Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin
20. Datuk Hussein bin Mohd. Nordin
21. Datuk Chong Foo Khin
22. Datuk Syed Hassan Aidid
23. Tuan Chua Ching Cheng
24. Tan Sri Datuk Lee Loy Seng
25. Tuan Ibrahim bin Abdullah
26. Tuan Ismail bin Hashim
27. Tuan Oh Siew Aun
28. Tuan Haji Nordin bin Pesah
29. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim
30. Tuan Ting Ming Hia
31. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman
32. Datuk Haji Ahmad bin Arshad
33. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak
34. Tan Sri Datuk Yeh Pao Tzu
35. Puan Zawiah binti Abdullah

36. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad
37. Tuan Yap Peng
38. Datuk Chua Song Lim
39. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad
40. Tuan Joseph Unting anak Umang
41. Tuan Abdullah bin Salleh
42. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun
43. Puan Dasimah Dasir
44. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim
45. Tuan Wong Kie Nai
46. Tan Sri Lee Boon Chim
47. Tuan Michael Wong Kuan Lee
48. Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi

YANG TIDAK BERSETUJU  
Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI  
Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya" telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang ketiga, dan bagi maksud ini Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut syarat-syarat Fasal (3) dalam Perkara 159 Perlembagaan.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

*Loceng dibunyikan*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya umumkan keputusan belah-bahagian.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 48 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Datuk Mohamed bin Nasir
2. Pengiran Othman bin Pengiran Rauf
3. Tuan Law Hieng Ding
4. Tan Sri S. O. K. Ubaidulla
5. Tok Pangu Pandak Hamid bin Putih Jali
6. Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob
7. Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah
8. Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai
9. Datuk Dr Wee Khoo Hock
10. Datuk Mohd. Tahir bin Majid
11. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Hussain
12. Datuk V. Ponnusamy Pillai
13. Tuan Kam Woon Wah
14. Tuan T. S. Gabriel
15. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah
16. Datuk Haji Abu Bakar Titingan Damsani
17. Tuan M. Mahalingam
18. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar
19. Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin
20. Datuk Hussein bin Mohd. Nordin
21. Datuk Chong Foo Khin
22. Datuk Syed Hassan Aidid
23. Tuan Chua Ching Cheng
24. Tan Sri Datuk Lee Loy Seng

25. Tuan Ibrahim bin Abdullah
26. Tuan Ismail bin Hashim
27. Tuan Oh Siew Aun
28. Tuan Haji Nordin bin Pesah
29. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim
30. Tuan Ting Ming Hia
31. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman
32. Datuk Haji Ahmad bin Arshad
33. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak
34. Tan Sri Datuk Yeh Pao Tzu
35. Puan Zawiah binti Abdullah
36. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad
37. Tuan Yap Peng
38. Datuk Chua Song Lim
39. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad
40. Tuan Joseph Unting anak Umang
41. Tuan Abdullah bin Salleh
42. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun
43. Puan Dasimah Dasir

44. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim
45. Tuan Wong Kie Nai
46. Tan Sri Lee Boon Chim
47. Tuan Michael Wong Kuan Lee
48. Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi

**YANG TIDAK BERSETUJU**

**Tiada**

**YANG TIDAK MENGUNDI**

**Tiada**

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 8hb Januari, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.55 malam.*